



MALAYSIA

MANUAL RANCANGAN TEMPATAN (RANCANGAN TEMPATAN PENGGANTIAN DAN RANCANGAN TEMPATAN PENGUBAHAN)

EDISI 2013



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



MANUAL RANCANGAN TEMPATAN (RANCANGAN TEMPATAN PENGGANTIAN DAN RANCANGAN TEMPATAN PENGUBAHAN)

EDISI 2013



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Cetakan Pertama 2013
Hakcipta
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia

Hakcipta terpelihara.
Sebarang bahagian dalam laporan ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau pun
dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, sama ada
dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa
kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

ISBN : 978-967-5456-25-1

Diterbitkan di Malaysia
Oleh
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia

Disediakan Oleh
Pejabat Projek Zon Selatan
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia

Tel : 06-234 5353
Faks: 06-234 5335

Dicetak Oleh :
Rimbunan Niaga

Tel : 07-232 0787
Fax : 07-232 5787

Oktober 2013

KATA ALUAN

KETUA PENGARAH JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA



Proses penyediaan Rancangan Tempatan (RT) telah mengalami revolusi yang ketara dengan adanya pendekatan baru bagi penyediaan Rancangan Tempatan. Pendekatan baru ini bukan hanya melibatkan bentuk dan format persembahan sahaja, malah ianya merangkumi pindaan-pindaan dalam dokumen MS ISO 9001:2008 serta pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang memerlukan penyelarasan, penyeragaman dan pengawalan kualiti dalam menyediakan Rancangan Tempatan.

Manual Rancangan Tempatan Edisi 2013 ini mengambil kira pindaan Akta 172 terutamanya melibatkan penyediaan Rancangan Tempatan Penggantian dan Rancangan Tempatan Pengubahan. Ia juga menitikberatkan pendekatan baru penyediaan RT; Program Publisiti dan Penyertaan Awam; Proses Pewartaan dan Pembatalan serta Kawalan Dokumen.

Manual ini akan menggantikan Manual Rancangan Tempatan Edisi 2009 yang dapat dijadikan rujukan dan panduan kepada semua Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta, Agensi Kerajaan dan Swasta serta semua yang terlibat di dalam penyediaan rancangan pemajuan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pejabat Projek Zon Selatan, Ahli Jawatankuasa Petugas Manual RT, Pejabat Projek Zon, JPBD Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta semua pihak yang terlibat di atas kerjasama dan sokongan yang padu bagi menghasilkan Manual Rancangan Tempatan Edisi 2013 ini.

DATUK MOHD. FADZIL BIN HJ. MOHD. KHIR

(PJN, DSDK, ASM, AMK, BCM, BCK)

KANDUNGAN

<i>Kata Aluan Ketua Pengarah JPBD SM</i>	i
<i>Isi Kandungan</i>	ii
<i>Senarai Rajah</i>	iv
<i>Senarai Jadual</i>	v
<i>Lampiran-Lampiran</i>	vi
<i>Singkatan Kata</i>	vii
<i>Penerangan</i>	ix
<i>Senarai Akta Utama Berkaitan Penyediaan Rancangan Tempatan</i>	xii
<i>Kronologi Pindaan Manual RT</i>	xiii

BAHAGIAN 1

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1 - 1
1.2 Hierarki Sistem Perancangan	1 - 4
1.3 Rancangan Tempatan (RT)	1 - 5
1.3.1 Penyediaan RT	1 - 5
1.3.2 Penyediaan RT Penggantian atau RT Pengubahan	1 - 5
1.4 Proses Penyediaan RT	1 - 6
1.5 Tempoh Perancangan RT	1 - 7
1.6 Struktur Pengurusan Kajian	1 - 7

BAHAGIAN 2

2.0 RT PENGGANTIAN

2.1 Pengenalan	2 - 1
2.2 Kriteria RT Penggantian	2 - 1
2.3 Tempoh Perancangan	2 - 1
2.4 Nama RT Penggantian	2 - 2
2.5 Proses dan Jadual Penyediaan RT Penggantian	2 - 2
2.5.1 Penyediaan Laporan Rangka Projek (LRP)	2 - 5
2.5.2 Program Publisiti Awal	2 - 7
2.5.3 Penyediaan Asas Rujukan	2 - 7
2.5.4 Pelantikan Perunding (Jika Perlu)	2 - 10
2.5.5 Penyediaan Peta Asas	2 - 10
2.5.6 Penyediaan Pendekatan Kajian	2 - 16
2.5.7 Penyediaan Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP)	2 - 21
2.5.8 Draf Rancangan Tempatan	2 - 24
2.5.9 Publisiti dan Penyertaan Awam	2 - 43
2.6 Hasil Kajian	2 - 44
2.7 Ringkasan Penyediaan	2 - 44

BAHAGIAN 3

3.0 RT PENGUBAHAN

3.1	Pengenalan	3 - 1
3.2	Kriteria RT Pengubahan	3 - 1
3.3	Tempoh Perancangan	3 - 2
3.4	Nama RT Pengubahan	3 - 2
3.5	Proses dan Jadual Penyediaan RT Pengubahan	3 - 3
3.5.1	Penyediaan Kertas Cadangan	3 - 6
3.5.2	Program Publisiti Awal	3 - 8
3.5.3	Pelantikan Perunding (Jika Perlu)	3 - 8
3.5.4	Draf Rancangan Tempatan Pengubahan	3 - 9
3.5.5	Publisiti dan Penyertaan Awam	3 - 17
3.6	Hasil Kajian	3 - 19
3.7	Ringkasan Penyediaan	3 - 19

BAHAGIAN 4

4.0 PEWARTAAN, PEMBATALAN DAN KAWALAN DOKUMEN

4.1	Kelulusan Draf RT	4 - 1
4.2	Persetujuan PBN	4 - 1
4.3	Pewartaan Draf RT	4 - 1
4.4	Pembatalan RT	4 - 2
4.4.1	RT Penggantian	4 - 3
4.4.2	RT Pengubahan	4 - 3
4.5	Kawalan Dokumen	4 - 4
4.5.1	Cop Pengesahan Dokumen Kawalan Draf RT	4 - 4
4.5.2	Penyerahan Dokumen Kawalan Draf RT Kepada Agensi Untuk Simpanan	4 - 7
4.5.3	Edaran Salinan RT Kepada Agensi Teknikal Berkaitan.	4 - 8

BAHAGIAN 5

5.0 PENUTUP

5 - 1

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Hierarki Sistem Perancangan Mengikut Akta 172	1 – 4
Rajah 1.2	Proses Penyediaan RT	1 – 6
Rajah 1.3	Struktur Pengurusan Kajian	1 – 7
Rajah 2.1	Peringkat Penyediaan RT Penggantian	2 – 2
Rajah 2.2	Proses Penyediaan RT Penggantian	2 – 3
Rajah 2.3	Proses Penyediaan Asas Rujukan	2 – 8
Rajah 2.4	Carta Alir Penyediaan Pelan Guna Tanah RT (Peta Asas)	2 – 14
Rajah 2.5	Contoh Kaedah Penyediaan Pelan Guna Tanah RT (Peta Asas)	2 – 15
Rajah 2.6	Proses Penyediaan Laporan Pendekatan Kajian	2 – 17
Rajah 2.7	Proses Penyediaan Laporan Analisis & Strategi Pembangunan (LASP)	2 – 21
Rajah 2.8	Bentuk dan Isi Kandungan Draf RT	2 – 24
Rajah 2.9	Contoh Peta Cadangan	2 – 30
Rajah 2.10	Contoh Blok Perancangan	2 – 31
Rajah 2.11	Contoh Peta Indeks (Keseluruhan)	2 – 32
Rajah 2.12	Contoh Peta Indeks	2 – 33
Rajah 2.13	Contoh Peta Subjek	2 – 34
Rajah 2.14	Contoh Peta Sisip	2 – 35
Rajah 2.15	Contoh Peta Kepadatan	2 – 36
Rajah 2.16	Contoh Peta Nisbah Plot	2 – 37
Rajah 2.17	Rantian Proses dan Hasil Penyediaan RT	2 – 45
Rajah 3.1	Peringkat Penyediaan RT Pengubahan	3 – 3
Rajah 3.2	Proses Penyediaan RT Pengubahan	3 – 4
Rajah 3.3	Contoh Pindaan Guna Tanah RT Asal Dengan RT Pengubahan	3 – 12
Rajah 3.4	Contoh Pernyataan Rajah Yang Menggantikan Rajah RT Asal	3 – 16
Rajah 3.5	Rantian Proses Penyediaan RT Pengubahan	3 – 20
Rajah 4.1	Contoh Cop Kelulusan Draf RT Daripada Majlis Penuh (untuk tujuan Publisiti)	4 – 5
Rajah 4.2	Contoh Cop Kelulusan Draf RT Daripada JK Khas/JPN (untuk tujuan Publisiti).	4 – 5
Rajah 4.3	Contoh Cop Pengesahan Pembaikan Draf RT (Untuk Tujuan Publisiti)	4 – 6
Rajah 4.4	Contoh Cop Pengesahan pindaan Draf RT berdasarkan syor JSTPA (untuk Kelulusan Draf RT)	4 – 6
Rajah 4.5	Contoh Cop Kelulusan Draf RT daripada Majlis Penuh (untuk Kelulusan Draf RT)	4 – 7
Rajah 4.6	Contoh Cop Kelulusan Draf RT daripada JPN (untuk Kelulusan Draf RT)	4 – 7
Rajah 4.7	Contoh Cop Pengesahan pindaan Draf RT berdasarkan keputusan Majlis Penuh dan JPN (untuk Kelulusan Draf RT)	4 – 8
Rajah 4.8	Contoh Cop Pengesahan Persetujuan Draf RT daripada MMKN	4 – 8

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Peruntukan Akta 172 yang Menyentuh Penyediaan RT	1 - 2
Jadual 1.2	Senarai Jawatankuasa Yang Terlibat Dalam Penyediaan RT	1 - 8
Jadual 2.1	Jadual Kerja Penyediaan Draf RT Penggantian	2 - 4
Jadual 2.2	Kandungan Laporan Rangka Projek	2 - 6
Jadual 2.3	Kandungan Asas Rujukan	2 - 8
Jadual 2.4	Kandungan Laporan Pendekatan Kajian	2- 17
Jadual 2.5	Kandungan Laporan Analisis & Strategi Pembangunan (LASP)	2- 22
Jadual 2.6	Bentuk dan Isi Kandungan Draf RT	2- 26
Jadual 2.7	Format Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan	2- 38
Jadual 2.8	Contoh Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan	2- 39
Jadual 2.9	Kandungan Laporan-Laporan Sokongan	2- 40
Jadual 2.10	Contoh Penilaian Kemampuan	2- 41
Jadual 2.11	Publisiti dan Penyertaan Awam : Penyediaan Kertas Kerja/ Laporan Yang Diperlukan	2- 43
Jadual 3.1	Jadual Kerja Penyediaan RT Pengubahan	3 - 5
Jadual 3.2	Kandungan Kertas Cadangan	3 - 7
Jadual 3.3	Bentuk dan Isi Kandungan	3 - 9
Jadual 3.4	Contoh Pernyataan Perkara Yang Diubah	3 - 11
Jadual 3.5	Contoh Pernyataan Perkara Yang Diubah Dan Justifikasi Terperinci	3 - 9
Jadual 3.6	Format Bagi Pindaan Jadual, Rajah Dan Pernyataan Bertulis Yang Menggantikan RT Asal	3 - 13
Jadual 3.7	Format Bagi Pindaan Peta Cadangan yang Menggantikan RT Asal	3 - 14
Jadual 3.8	Contoh Pindaan Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan	3 - 15
Jadual 3.9	Publisiti dan Penyertaan Awam : Penyediaan Kertas Kerja/ Laporan Yang Diperlukan	3 - 18
Jadual 4.1	Senarai Cop Pengesahan Dokumen Kawalan RT	4 - 4
Jadual 4.2	Senarai Agensi Yang Memegang/Menyimpan Dokumen Kawalan (1 salinan asal untuk setiap agensi)	4 - 7
Jadual 4.3	Senarai Edaran Salinan Rancangan Tempatan	4 - 8

LAMPIRAN-LAMPIRAN

Lampiran I	Perincian Skop dan Bidang Kajian	L – i
Lampiran II	Keperluan Kepakaran (Jika Melibatkan Perunding)	L – xxi
Lampiran III	Senarai Terbitan Garis Panduan Perancangan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JPBD SM 2013	L – xxii
Lampiran IV	Format Notis Akhbar Pemberitahuan Bagi Mengadakan Program Publisiti	L – xxiv
Lampiran V	Format Notis Akhbar Pemberitahuan Bagi Mengadakan Program Publisiti RT Pengubahan	L – xxv
Lampiran VI	Contoh Notis Akhbar Pemberitahuan Bagi Mengadakan Program Publisiti RT Pengubahan	L - xxvi
Lampiran VII	Format Notis Warta	L - xxvii
Lampiran VIII	Format Notis Warta RT Penggantian dan Pembatalan RT Asal	L - xxviii
Lampiran IX	Format Notis Pembatalan RT Asal	L - xxix
Lampiran X	Format Notis Warta RT Pengubahan	L - xxx

SINGKATAN KATA

BP	- Blok Perancangan
BPK	- Blok Perancangan Kecil
BMGN	- Bahagian Maklumat Guna Tanah Negara
CCC	- <i>Certificate of Completion and Compliance</i> (Perakuan Siap dan Pematuhan)
DLL	- Dan Lain-Lain
DSB	- Dan Sebagainya
EMP	- <i>Environmental Management Plan</i> (Pelan Pengurusan Alam Sekitar)
FELDA	- <i>Federal Land Development Authority</i> (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan)
FGD	- <i>Focus Group Discussion</i> (Perbincangan Kumpulan Sasaran)
GIS	- <i>Geographical Information System</i> (Sistem Maklumat Geografi)
JK	- Jawatankuasa
JPBD	- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
JPBD SM	- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
JKR	- Jabatan Kerja Raya
JKKK	- Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JPN	- Jawatankuasa Perancang Negeri
JPS	- Jabatan Pengairan dan Saliran
JPT	- Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal
JUEM	- Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
JSTPA	- Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam
KDNK	- Keluaran Dalam Negara Kasar
KSAS	- Kawasan Sensitif Alam Sekitar
KM	- Kebenaran Merancang
KN	- Kerajaan Negeri
ISBN	- <i>International Standard Book Number</i> (Nombor Buku Piawaian Antarabangsa)
IPU	- Indeks Pencemaran Udara
IT	- <i>Information Technology</i> (Teknologi Maklumat)
LASP	- Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan
LRP	- Laporan Rangka Projek
LRT	- <i>Light Rail Transit</i> (Transit Aliran Ringan)
MACRES	- <i>Malaysian Centre for Remote Sensing</i> (Pusat Remote Sensing Negara)
MPFN	- Majlis Perancang Fizikal Negara
MMKN	- Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
MURNInet	- <i>Malaysian Urban Indicator Network</i> (Jaringan Penunjuk Bandar Malaysia)
OKU	- Orang Kurang Upaya
OSC	- <i>One Stop Centre</i> (Pusat Setempat)
PBN	- Pihak Berkuasa Negeri
PBT	- Pihak Berkuasa Tempatan
PBPT	- Pihak Berkuasa Perancang Tempatan
PDRM	- Polis Di Raja Malaysia
PE	- <i>Population Equivalent</i> (Populasi Sepadan)
PUU	- Penasihat Undang-Undang
QT	- <i>Qualify Title</i> (Hakmilik Sementara)

RFN	- Rancangan Fizikal Negara
RKK	- Rancangan Kawasan Khas
RS	- Rancangan Struktur
RT	- Rancangan Tempatan
RTC	- <i>Rural Transformation Centre</i> (Pusat Transformasi Luar Bandar)
SA	- <i>Sustainability Assessment</i> (Penilaian Kemampanan)
SWOT	- <i>Strength, Weakness, Opportunity, Threat</i> (Kekuatan, Halangan, Peluang dan Ancaman)
TM	- Telekom Malaysia
TNB	- Tenaga Nasional Berhad
TWG	- <i>Technical Working Group</i> (Kumpulan Kerja Teknikal)
UTC	- <i>Urban Transformation Centre</i> (Pusat Transformasi Bandar)
UPEN	- Unit Perancang Ekonomi Negeri
YDP	- Yang DiPertua

PENERANGAN

Akta 172	Merujuk kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 yang digubal untuk pengawalan dan pengawalseliaan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.
Blok Perancangan (BP)	Pembahagian kawasan RT kepada beberapa kawasan yang lebih kecil bagi penyediaan Peta Cadangan yang terperinci.
Blok Perancangan Kecil (BPK)	Pembahagian Blok Perancangan kepada kawasan-kawasan yang lebih kecil untuk tujuan penyediaan garis panduan pembangunan dan Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan.
Guna tanah yang ditetapkan	Permohonan Kebenaran Merancang yang telah mendapat kelulusan dasar oleh PBPT/PBN.
Peta Cadangan	Suatu peta utama yang menunjukkan perincian cadangan guna tanah bagi kawasan RT bagi tempoh perancangan yang telah ditetapkan.
Pernyataan Bertulis	Huraian bertulis atau kenyataan-kenyataan sokongan yang menjelaskan atau menerangkan peta cadangan.
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Mana-mana Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah, Lembaga Perbandaran, Majlis Tempatan, Lembaga Luar Bandar atau mana-mana pihak berkuasa lain seumpamanya yang ditubuhkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis.
Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT)	Mana-mana PBT atau mana-mana perkataan lain yang bermaksud ia sebagai PBT adalah PBPT dalam kawasan pentadbirannya. Subseksyen 5(2) memperuntukkan bagi kawasan di luar sesebuah PBT, Pengarah JPBD Negeri ialah PBPT bagi kawasan tersebut.
Rancangan Pembangunan	Rancangan Pembangunan terdiri daripada Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Wilayah dan Rancangan Pemajuan (RS, RT atau RKK)

Rancangan Fizikal Negara	Suatu pernyataan bertulis yang merumuskan dasar-dasar strategik bagi maksud menentukan arah tuju pemajuan fizikal bagi seluruh Semenanjung Malaysia (15-20 tahun) sebagaimana diperuntukkan di bawah subseksyen 6B(2), Akta 172.
Rancangan Wilayah	Dokumen perancangan yang mengandungi strategi pembangunan spatial untuk mencapai pertumbuhan dan pengagihan seimbang serta untuk mencapai rangka kerja infrastruktur yang bersepadu dan cekap.
Rancangan Pemajuan	Berhubung dengan sesuatu kawasan, ertinya: i. RT bagi kawasan itu; atau RKK; ii. Jika tiada RT bagi kawasan itu, RS bagi kawasan itu.
Rancangan Struktur	Suatu pernyataan bertulis yang merumuskan dasar dan cadangan am PBN berkenaan dengan pemajuan dan penggunaan tanah di dalam negeri itu merangkumi aspek-aspek sosial, ekonomi, fizikal dan alam sekitar kawasan PBPT sebagaimana di bawah peruntukan seksyen 7 hingga seksyen 11B, Akta 172.
Rancangan Tempatan	Suatu peta dan pernyataan bertulis disokong oleh garis panduan pelaksanaan yang menerangkan dengan lebih terperinci segala cadangan PBPT untuk pemajuan dan penggunaan tanah dengan menterjemahkan dan memperincikan dasar-dasar strategik RS, sebagaimana di bawah peruntukan seksyen 12-16A, Akta 172.
Rancangan Kawasan Khas	Suatu rancangan pemajuan yang disediakan bagi kawasan yang mempunyai kepentingan khusus kepada PBPT dalam masa yang singkat untuk tujuan pelaksanaan iaitu bagi tujuan sama ada untuk memaju, memajukan semula, memperelokkan lagi atau memelihara atau bagi tujuan pengurusan sebagaimana di bawah peruntukan seksyen 16B, Akta 172.
Penambahbaikan	Tindakan pembetulan yang diambil untuk membetulkan ketidakakuran yang telah berlaku.
Pindaan	Hasil atau cara memperbaiki, membetulkan atau mengubah kesalahan dan sebagainya.

Penggantian

Merujuk kepada RT Penggantian yang melibatkan keseluruhan kawasan dan kandungannya; di mana RT Asal tidak lagi terpakai dan proses penggantian RT adalah tertakluk kepada subseksyen 16(3) Akta 172.

Penggantian RT boleh dibuat dalam beberapa keadaan, termasuk;

- i. Tamat tempoh perancangan;
- ii. Terdapat perubahan dasar kerajaan, konsep dan strategi pembangunan bagi kawasan tersebut; dan
- iii. Untuk menyatukan beberapa RT (pengubahan) yang telah dibuat.

Pengubahan

Merujuk kepada pindaan RT yang melibatkan sebahagian kawasan atau kandungannya; di mana RT Asal dibaca bersama dan proses pengubahan RT adalah tertakluk kepada subseksyen 16(3) Akta 172.

Pengubahan RT boleh dibuat dalam beberapa keadaan, termasuklah :

- i. Terdapat perubahan peta cadangan berkenaan BP / BPK; dan
- ii. Terdapat perubahan berkenaan pernyataan bertulis, laporan-laporan sokongan atau mana-mana kandungan RT.

Pewartaan

Dalam Akta Tafsiran 1948 Dan 1967 [Akta 388], di bawah **Seksyen 3** takrifan "*Warta*" termasuklah *Warta* rasmi Persekutuan yang disiarkan dalam bentuk elektronik atau lain-lain bentuk melalui perintah Kerajaan dan hendaklah, setakat mana yang ditentukan dalam Subseksyen 18(3), termasuk *Warta* rasmi mana-mana Negeri.

Ianya merupakan berita atau pengumuman yang diterbitkan oleh kerajaan untuk menyiarkan undang-undang yang telah disahkan oleh kerajaan.

Pembatalan

Pembatalan adalah merujuk kepada pembuatan memansuhkan sesuatu yang sedia ada dan dengan itu, perkara yang dimansuhkan tersebut tidak lagi mempunyai sebarang kesan.

Dibuat berhubung dengan penggantian RT atau semata-mata untuk membatalkan RT sedia ada. Secara kebiasaannya, pembatalan RT secara *stand alone* dibuat hanya sekiranya pembatalan terhadap RT asal tidak dibuat sewaktu pewartaan RT baru

SENARAI AKTA UTAMA BERKAITAN PENYEDIAN RANCANGAN TEMPATAN

1. . Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)
2. . Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)
3. . Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984
4. . Kanun Tanah Negara 1965
5. . Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
6. . Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)

KRONOLOGI PINDAAN MANUAL RT

VERSI MANUAL

PERKARA

Manual Rancangan Pemajuan 1981

Ia menggariskan jenis-jenis pelan yang perlu disediakan di bawah Akta 172, fungsi, bentuk serta kandungannya. Manual ini dijadikan sebagai panduan kepada PBPT dalam penyediaan pelan pembangunan serta PBN dalam mempromosikan dan memberi khidmat nasihat berkaitan pemeliharaan, penggunaan dan pembangunan semua tanah di dalam negeri.

Manual RT 1993

Ia bertujuan untuk menyediakan manual prosedur bagi aktiviti RT dengan tujuan untuk menyeragamkan bentuk dan kandungan RT bagi seluruh Semenanjung Malaysia sebagaimana kehendak Akta 172.

Manual RT (Pindaan 1999)

Memasukkan pendekatan-pendekatan penyediaan RT yang lebih berbentuk '*plan base*' dari segi:

- Menambah fokus serta liputan cadangan RT untuk memasukkan aspek-aspek:
 - a. Pemajuan dan kegunaan tanah;
 - b. Memperelokkan alam sekitar;
 - c. Memperelokkan sistem pengangkutan dan lalu lintas;
 - d. Memajukan ekonomi dan sosial;
 - e. Pembangunan secara mampan; dan
 - f. Cadangan dasar pemajuan tanah bagi kawasan bersempadanan yang boleh mempengaruhi kawasan perancangan.

[seperti yang terkandung di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa (pindaan) 1995, (Akta A933)]

- Pembentangan cadangan-cadangan sektoral ke dalam bentuk ruang menerusi pelan subjek.
- Pembentangan dan perincian cadangan pembangunan guna tanah ke dalam blok-blok perancangan serta blok-blok perancangan kecil.

VERSI MANUAL

PERKARA

Manual RT (Edisi 2001)

Memberi penekanan kepada:

- Penyediaan RT peringkat daerah yang melibatkan peralihan skop-skop kajian dari *urban base* kepada pembangunan desa, pertanian dan kawasan ekologi semulajadi [Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 (Akta A1129)];
- Pendekatan penyediaan dan persembahan peta cadangan dan penggunaan skala bagi kawasan-kawasan RT yang lebih besar [Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 (Akta A1129)];
- Ke arah penubuhan sistem maklumat RT melalui penggunaan teknologi GIS;
- Keperluan-keperluan reka bentuk sistem kualiti MS ISO 9001:2000 dalam penyediaan RT;
- Pemantapan analisis-analisis sektoral;
- Penggunaan teknik analisis spatial penjana alternatif-alternatif cadangan pembangunan;
- Seranta awal sebelum memulakan penyediaan RT;
- Kesan Sosial Alam Sekitar (KSAS) sebagai sektor tambahan jika perlu;
- Metadata dan pangkalan data bagi Sistem Maklumat Geografi; dan
- Klasifikasi guna tanah yang selaras dengan RFN dan RSN.

Manual RT (Edisi 2002)

Manual RT (pindaan 2002) mengambil kira:

- Keperluan-keperluan perubahan rekabentuk sistem kualiti MS ISO 9001 : 2000 di dalam penyediaan RT;
- Mengemaskini dan memantapkan sektor-sektor kajian dalam pakej-pakej yang telah ditetapkan;
- Memantapkan dan mengemaskini perkara-perkara yang akan dikaji, analisis kajian sektoral dan hasil (*output*) kajian sektoral;
- Penyediaan RT peringkat daerah yang melibatkan pengemaskinian dan pemantapan skop-skop kajian dari *urban base* kepada pembangunan desa, pertanian, kawasan ekologi semulajadi selaras dengan pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa (pindaan) 2001, (Akta A1129);
- Memantapkan serta mengemaskini klasifikasi guna tanah; dan
- Mengemaskini, memperincikan dan menjelaskan erti pelan pembangunan, RFN, RSN dan RTD.

**Manual RT
Edisi 2009**

Manual RT Edisi 2009 merupakan penambahbaikan ke atas dokumen Manual RT (Pindaan 2002). Pindaan ini mengambilkira:

- Pendekatan baru penyediaan RT;
- Memendekkan tempoh kajian dari 18 hingga 24 bulan kepada 12 hingga 15 bulan;
- Mengenalpasti teras/fokus pembangunan;
- Memperkenalkan pendekatan *Focus Group Discussion* dalam publisiti awal;
- Teknik analisis yang sesuai dan terkini;
- Kaedah persembahan yang berinformasi melalui pelan dan grafik;
- Penyusunan semula struktur organisasi kajian;
- Program pengumpulan maklumat dalam peringkat mobilisasi;
- Penerapan MurniNet dan Penilaian Kemampanan dalam proses RT;
- Penetapan indikator/sasaran pembangunan; dan
- Pengasingan keperluan MS ISO 9001: 2008 bagi penggunaan manual oleh agensi lain terutama PBT.


**Manual RT
Edisi 2013**

Manual RT (Rancangan Tempatan Penggantian dan Rancangan Tempatan Pengubahan) Edisi 2013 ini menggantikan dokumen Manual RT Edisi 2009 untuk digunapakai oleh semua pihak yang terlibat dalam penyediaan RT. Pindaan ini mengambilkira :

- Pindaan Akta 172 terutama penyediaan RT Penggantian dan RT Pengubahan;
- Pendekatan baru penyediaan RT;
- Program publisiti dan penyertaan awam;
- Proses pewartaan dan pembatalan serta kawalan dokumen; dan
- Boleh dijadikan sumber rujukan oleh semua pihak yang terlibat.

Bahagian 1

PENDAHULUAN



BAHAGIAN 1.0 PENDAHULUAN


- 1.1 *Pengenalan*
 - 1.2 *Hierarki Sistem Perancangan*
 - 1.3 *Rancangan Tempatan (RT)*
 - 1.3.1 *Penyediaan RT*
 - 1.3.2 *Penyediaan RT Penggantian dan RT Pengubahan*
 - 1.4 *Proses Penyediaan*
 - 1.5 *Tempoh Perancangan*
 - 1.6 *Struktur Pengurusan Kajian*
-

1.1 PENGENALAN

Manual Rancangan Tempatan Edisi 2013 ini menggantikan dokumen Manual Rancangan Tempatan Edisi 2009. Pindaan Manual ini disediakan sebagai panduan kepada pengguna untuk penyediaan **RT Penggantian** dan **RT Pengubahan**. Jika ada RT baru, maka prosedur penyediaannya adalah mengikut prosedur RT Penggantian.

Manual ini bertujuan untuk memastikan penyeragaman dan pemantapan mutu penyediaan RT, agar selaras dengan keperluan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan prosedur MS ISO 9001:2008. Pindaan ini juga merangkumi penjelasan mengenai keperluan penyediaan RT Penggantian dan RT Pengubahan.

Jadual 1.1 menunjukkan peruntukan Akta 172 yang melibatkan penyediaan RT.



Jadual 1.1 : Peruntukan Akta 172 Yang Menyentuh Penyediaan RT

Bidang	Seksyen	Keterangan
Keperluan Penyediaan RT	Subseksyen 12(1)	PBPT boleh menyediakan Draf RT sekiranya difikirkan perlu dan akan memberi faedah kepada kawasannya. Terdapat dua (2) keadaan di mana PBPT boleh menyediakan Draf RT iaitu semasa Draf RS sedang disediakan atau sebelum Draf RS dipersetujui oleh PBN.
	Subseksyen 12(2)	PBPT hendaklah menyediakan Draf RT bagi seluruh kawasannya dengan segera sekiranya RS bagi Negeri tersebut telah berkuat kuasa.
	Subseksyen 12(6)	PBPT juga dikehendaki menyediakan Draf RT bagi kawasannya sekiranya diarahkan oleh JPN. Arahan ini boleh diberi semasa Draf RS telah atau sedang disediakan.
Kandungan RT	Subseksyen 12(3)	Draf RT hendaklah mengandungi suatu peta cadangan dan pernyataan bertulis bagi kawasan PBPT berkenaan cadangan terperinci.
	Subseksyen 12(4)	Draf RT perlu disokong oleh gambar rajah, gambaran dan bahan perihalan yang sesuai oleh PBPT atau yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.
Publisiti Awal	Seksyen 12A	Sebelum menyediakan Draf RT, PBPT hendaklah menjalankan publisiti awal untuk memaklumkan kepada orang awam dan 'stakeholders' mengenai penyediaan, matlamat dan kandungan DRAF RT.
Publisiti Draf RT	Subseksyen 13(1)	PBPT hendaklah menyediakan salinan Draf RT untuk diperiksa.
	Subseksyen 13(2)	PBPT dikehendaki menyiarkan notis pemberitahuan Draf RT telah tersedia untuk diperiksa oleh orang awam dengan menyiarkan dalam tiga (3) keluaran daripada sekurang-kurangnya dua (2) akhbar tempatan, satu daripadanya adalah dalam bahasa kebangsaan. Tempoh pemeriksaan adalah tidak kurang daripada empat (4) minggu dari tarikh Draf RT diperiksa.
	Subseksyen 13(3)	PBPT boleh melanjutkan sekali tempoh pemeriksaan salinan Draf RT selama tidak lebih daripada empat (4) minggu atas permohonan mana-mana orang.
Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam	Subseksyen 14(1)	PBPT boleh mengarahkan suatu Jawatankuasa Siasatan Tempatan atau Pendengaran lain yang terdiri daripada tiga orang yang dilantik oleh JPN untuk mempertimbangkan bantahan yang dikemukakan.

(samb. Jadual 1.1)

Pewartaan Draf RT	Subseksyen 15(1)	Selepas menimbangkan bantahan atau representasi, PBPT hendaklah mengemukakan Draf RT atau mengemukakan Draf RT yang telah diubahsuai kepada pihak JPN untuk kelulusan.
	Subseksyen 15 (1A)	JPN boleh meluluskan keseluruhan, sebahagian Draf RT dengan atau tanpa pindaan, atau menolak Draf RT tersebut.
	Subseksyen 15 (1B)	JPN boleh mengambil kira apa-apa perkara yang difikirkan berkaitan sama ada atau tidak perkara tersebut telah diambil kira dalam Draf RT yang dikemukakan atau dikemukakan semula ke JPN.
	Subseksyen 15 (1c)	JPN hendaklah mengemukakan Draf RT yang telah diluluskan kepada PBN untuk persetujuan dan dikuatkuasa.
	Subseksyen 15 (4)	PBPT hendaklah mengarahkan supaya fakta persetujuan PBN ke atas Draf RT disiarkan dalam Warta Negeri dan sekurang-kurangnya dalam dua (2) akhbar tempatan, satu (1) daripadanya berbahasa kebangsaan.
Keperluan Pengubahan, Pembatalan, atau Penggantian Suatu Rancangan Tempatan.	Subseksyen 16(1)	PBPT boleh pada bila-bila masa membuat cadangan untuk pengubahan, pembatalan atau penggantian suatu rancangan tempatan.
	Subseksyen 16(2)	PBPT hendaklah jika JPN memberikan arahan bagi maksud itu berkenaan dengan suatu rancangan tempatan, dengan secepat yang dapat dilaksanakan menyediakan cadangan daripada jenis yang dinyatakan dalam arahan itu, iaitu cadangan untuk pengubahan, pembatalan dan penggantian rancangan itu.
	Subseksyen 16(3)	Subseksyen 12(8) dan (9) dan Seksyen 13,14 dan 15 hendaklah terpakai berhubung dengan pembuatan cadangan untuk pengubahan, pembatalan atau penggantian suatu rancangan tempatan di bawah seksyen ini dan berkenaan dengan apa-apa pengubahan, pembatalan atau penggantian rancangan itu yang berikutnya, sebagaimana ia terpakai berhubung dengan penyediaan draf rancangan tempatan di bawah seksyen 12 dan berhubung dengan draf rancangan tempatan yang disediakan di bawahnya.
	Subseksyen 16A(1)	JPN boleh mengarah Pengarah Negeri untuk menyediakan RT jika PBPT gagal berbuat demikian. Perbelanjaan berkaitan penyediaan Draf RT hendaklah dibayar oleh PBPT kepada Pengarah Negeri.

1.2 HIERARKI SISTEM PERANCANGAN

Hierarki sistem perancangan di Semenanjung Malaysia terbahagi kepada tiga (3) bahagian utama iaitu Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Wilayah dan Rancangan Pemajuan sepertimana **Rajah 1.1**.

Rajah 1.1 : Hierarki Sistem Perancangan Mengikut Akta 172



1.3 RANCANGAN TEMPATAN (RT)

1.3.1 Penyediaan RT


TIGA (3) keadaan bagi menyediakan RT mengikut peruntukan Akta 172 iaitu:

- i. Subseksyen 12(1) PBPT, semasa suatu draf rancangan struktur sedang disediakan atau sebelum PBN memberikan persetujuan mengenai suatu draf rancangan struktur yang telah disediakan, boleh jika difikirkannya wajar, menyediakan suatu draf rancangan tempatan bagi mana-mana bahagian kawasannya.
- ii. Subseksyen 12(2), jika suatu rancangan struktur bagi Negeri telah berkuatkuasa, PBPT hendaklah dengan segera dilaksanakan menyediakan suatu draf rancangan tempatan bagi seluruh kawasannya.
- iii. Subseksyen 12(6), tanpa menyentuh peruntukan seksyen ini yang terdahulu, PBPT hendaklah, jika Jawatankuasa memberikan ia arahan bagi maksud itu berkenaan dengan sebahagian daripada kawasan PBPT itu baginya suatu draf rancangan struktur telah, atau sedang disediakan, dengan segera dilaksanakan menyediakan bahagian itu suatu draf rancangan tempatan daripada jenis yang dinyatakan dalam arahan itu.

1.3.2 Penyediaan RT Penggantian atau RT Pengubahan

DUA (2) keadaan bagi menyediakan RT Penggantian atau RT Pengubahan mengikut peruntukan Akta 172 iaitu:


- i. Subseksyen 16 (1) PBPT boleh pada bila-bila masa, membuat cadangan untuk pengubahan, pembatalan atau penggantian suatu rancangan tempatan; dan
- ii. Subseksyen 16A (1) Jika Jawatankuasa berpuas hati bahawa PBPT telah tidak mengambil langkah untuk menyediakan suatu rancangan tempatan atau cadangan bagi pengubahan, pembatalan atau penggantian sesuatu rancangan tempatan, Jawatankuasa boleh mengarahkan Pengarah Negeri menyediakan rancangan atau cadangan itu dan perbelanjaan yang dilakukan berkaitan dengan penyediaan itu hendaklah dibayar oleh PBPT kepada Pengarah Negeri.



1.4 PROSES PENYEDIAAN RT

Proses penyediaan RT adalah tertakluk kepada keperluan dan kehendak Akta 172 seperti di **Rajah 1.2**.

Rajah 1.2 : Proses Penyediaan RT




1.5 TEMPOH PERANCANGAN RT

Tempoh perancangan RT tidak melebihi 15 tahun.

1.6 STRUKTUR PENGURUSAN KAJIAN

Struktur Pengurusan Kajian melibatkan beberapa Jawatankuasa yang akan memantau kemajuan kajian, menjamin kualiti serta meluluskan Draf RT sepertimana **Rajah 1.3**.

Rajah 1.3 : Struktur Pengurusan Kajian



LIMA (5) Jawatankuasa utama dan **SATU (1)** pasukan kajian perlu dibentuk bagi menjalankan tanggungjawab dan fungsinya dalam penyediaan DRAF RT (**Rujuk Jadual 1.2**). Ia melibatkan;


- Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN);
- Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam ;
- Majlis Penuh PBT/PBPT;
- Jawatankuasa Penyelarasan Teknikal;
- Jawatankuasa Penyelarasan Kajian; dan
- Pasukan Kajian.

Jadual 1.2 : Senarai Jawatankuasa Yang Terlibat Dalam Penyediaan Rancangan Tempatan

Bil	Jawatankuasa	Peranan	Keahlian
1	Jawatankuasa Perancang Negeri	i. Menetapkan apa-apa perkara yang perlu terkandung di dalam suatu Draf Rancangan Tempatan [subseksyen 12(3) Akta 172]; ii. Meluluskan Asas Rujukan; iii. Mengarahkan PBPT untuk menyediakan Draf RT bagi sebahagian daripada kawasan PBPT sama ada selepas atau semasa Draf Rancangan Struktur Negeri tersebut disediakan [subseksyen 12(6) Akta 172]; iv. Mengarahkan PBPT untuk mengambil kira apa-apa maklumat dan pertimbangan lain semasa merumuskan cadangan Draf RT [subseksyen 12(8) Akta 172]; v. Meluluskan Draf RT sebelum program publisiti [subseksyen 13 Akta 172]; vi. Melantik 3 orang Jawatankuasa yang membuat suatu siasatan tempatan atau pendengaran lain bagi maksud menimbangkan bantahan dan representasi terhadap suatu Draf RT [subseksyen 14(1) Akta 172]; vii. Menimbang kelulusan Draf RT [subseksyen 15(1) Akta 172]; viii. Mengemukakan Draf RT yang telah diluluskan kepada PBN bagi persetujuannya subseksyen [15(1c) Akta 172]; ix. Merujuk kepada PBN bagi mendapatkan keputusannya, berkaitan perbezaan dalam peruntukan antara RT dan RS sekiranya JPN bersetuju bahawa RS tidak lagi terkini [subseksyen 15(5) Akta 172]; x. Mengarahkan PBPT untuk mengubah, membatalkan atau menggantikan RT bagi kawasan [subseksyen 16(2) Akta 172]; dan xi. Mengarahkan Pengarah JPBD Negeri untuk menyediakan RT atau cadangan bagi pengubahan, pembatalan atau penggantian suatu RT jika PBPT tidak mengambil langkah menyediakan RT atau cadangan bagi pengubahan, pembatalan atau penggantian suatu RT [subseksyen 16A(1) Akta 172].	<u>Keahlian:</u> Tertakluk kepada peruntukan dalam Subseksyen 4(1), Akta 172

(Samb. Jadual 1.2)

2	Majlis Penuh PBT / PBPT	i. Menerima dan mempersetujui Laporan Rangka Projek; ii. Memperakukan Asas Rujukan sebelum diangkat ke JPN untuk pertimbangan kelulusan; iii. Memastikan RT yang disediakan berupaya untuk menggalak, membantu dan mengawal pembangunan dan pemajuan tanah; iv. Mematuhi arahan JPN menyediakan Draf RT bagi sebahagian kawasan sama ada Draf RSN telah atau sedang disediakan; v. Mematuhi arahan JPN dengan meneliti maklumat-maklumat lain yang berkaitan dan berunding dengan JPN berkenaan perkara-perkara lain yang perlu diambilkira di dalam cadangan Draf RT; vi. Melanjutkan tempoh publisiti Draf RT setelah ianya tamat. vii. Mengadakan SATU (1) mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam; viii. Menguruskan urusan berkaitan siasatan tempatan dan pendengaran termasuk surat jemputan kepada pembantah dan ahli JSTP; ix. Memperakukan Laporan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam sebelum ia diangkat ke JPN; x. Membuat pindaan Draf RT berdasarkan kelulusan JPN dan mengemukakan kepada setiasaha JPN berserta Kertas Ringkasan untuk diangkat ke MMKN; xi. Memperakukan Draf RT Asal atau Draf RT yang dipinda dengan mengambil bantahan untuk kelulusan JPN; dan xii. Menyiarkan Fakta Persetujuan PBN dan membatalkan RT Asal (Jika ada).	<u>Keahlian</u> : • Tertakluk kepada peruntukan dalam Seksyen 10, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
---	---------------------------------------	---	--



(Samb. Jadual 1.2)

3	Jawatankuasa Penyelaras Teknikal	i. Menilai, mempertimbang dan memperakukan laporan-laporan yang disediakan: • Menjalankan semakan dan mengesahkan (verifikasi) setiap penyerahan laporan; • Memastikan kajian Draf RT menepati dan selaras dengan Asas Rujukan dan garis panduan yang berkaitan; • Menjalankan semakan ke atas pendekatan dan maklumat yang dikemukakan; dan • Menyelaras cadangan-cadangan pembangunan di kawasan bersempadanan. ii. Memberi nasihat berkenaan dasar-dasar dan polisi di peringkat nasional dan negeri untuk diselaraskan dalam kajian; iii. Memastikan keperluan Kerajaan Negeri, PBPT dan Jabatan Teknikal serta agensi berkaitan diambilkira; dan iv. Mengadakan kolaborasi dengan Jabatan Teknikal bagi cadangan kemudahan awam (development facilitation).	<u>Keahlian Jawatankuasa Penyelaras Teknikal :</u> • Pengerusi -Pengarah JPBD Negeri/ YDP; • Pengarah Pejabat Projek, JPBD SM; • Datuk Bandar/Yang Dipertua PBPT; • Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri; • Pengarah Pejabat Tanah dan Galian • Pegawai Daerah; • Pentadbir Tanah Daerah; • Pengarah Jabatan Kerja Raya; • Pengarah Jabatan Alam Sekitar; • Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran; • Pengarah Jabatan Perhutanan; • Pengarah Jabatan Pertanian; • Pengarah Jabatan Pelajaran; • Pengarah Jabatan Kesihatan; • Pengusaha Perkhidmatan Utiliti (contoh: TNB, TM); • Jabatan dan Agensi lain (mengikut keperluan); dan • JPBD Negeri – Urusetia
---	--	--	--

(Samb. Jadual 1.2)

4	Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam	i. Memastikan kelancaran perjalanan proses bantahan awam dengan memberi peluang yang adil dan saksama kepada semua pihak yang terlibat dalam membuat bantahan; dan ii. Mengkaji dan membuat syor terhadap bantahan, cadangan dan rayuan yang dikemukakan dalam Laporan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam.	<u>Keahlian:</u> • 3 ahli jawatankuasa ini dilantik oleh JPN mengikut peruntukan subseksyen 14(1), Akta 172.
5	Jawatankuasa Penyelarasan Kajian	i. Memberi nasihat dan ulasan teknikal.	<u>Keahlian :</u> • Pengerusi – Pengarah Pejabat Projek (JPBDSM) ; • JPBD Negeri; • Pejabat Tanah dan Daerah; • PBPT; dan • Lain-lain agensi mengikut keperluan
6	Pasukan Kajian	i. Menyelaras dan mengawal perjalanan kajian mengikut program kerja; ii. Menjalankan semakan dan menilai laporan yang disediakan supaya selaras dengan Asas Rujukan; dan iii. Mengurusetia mesyuarat-mesyuarat yang dijadualkan.	<u>Keahlian :</u> • Pengerusi – Pengurus Projek, Pejabat Projek (JPBDSM); • Pasukan teras termasuk perunding (jika ada); dan • Lain-lain agensi mengikut keperluan

Bahagian 2

RT PENGgantian



BAHAGIAN 2.0

RT PENGGANTIAN

- 2.1 *Pengenalan*
- 2.2 *Kriteria RT Penggantian*
- 2.3 *Tempoh Perancangan*
- 2.4 *Nama RT Penggantian*
- 2.5 *Proses dan Jadual Penyediaan RT Penggantian*
 - 2.5.1 *Penyediaan Laporan Rangka Projek (LRP)*
 - 2.5.2 *Program Publisiti Awal*
 - 2.5.3 *Penyediaan Asas Rujukan*
 - 2.5.4 *Pelantikan Perunding (Jika Perlu)*
 - 2.5.5 *Penyediaan Peta Asas*
 - 2.5.6 *Laporan Pendekatan Kajian*
 - 2.5.7 *Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP)*
 - 2.5.8 *Draf Rancangan Tempatan*
 - 2.5.9 *Publisiti dan Penyertaan Awam*
- 2.6 *Hasil Kajian*
- 2.7 *Ringkasan Penyediaan*

2.1 PENGENALAN

'RT Penggantian' adalah merujuk kepada RT Penggantian yang melibatkan keseluruhan kawasan dan kandungannya; di mana RT asal tidak lagi terpakai bagi tujuan kawalan perancangan dan proses RT Penggantian adalah tertakluk kepada subseksyen 16(3) Akta 172.


2.2 KRITERIA RT PENGGANTIAN

RT Penggantian boleh dibuat dalam beberapa keadaan termasuk;

- i. Tamat tempoh perancangan;
- ii. Terdapat perubahan dasar kerajaan, konsep dan strategi pembangunan bagi kawasan tersebut; dan
- iii. Untuk menyatukan beberapa RT Pengubahan yang telah dibuat.

2.3 TEMPOH PERANCANGAN

Tempoh perancangan RT tidak melebihi 15 tahun.



2.4 NAMA RT PENGGANTIAN

RANCANGAN TEMPATAN [**NAMA KAWASAN KAJIAN/ NAMA PBT**] [**TAHUN AKHIR TEMPOH PERANCANGAN**] [**PENGGANTIAN**]

Contoh 1 :

Rancangan Tempatan Daerah Rembau 2025 (Penggantian)

Contoh 2 :

Rancangan Tempatan Cameron Highland 2030 (Penggantian)

Contoh 3 :

Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya 2025 (Penggantian)

Contoh 4 :

Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Alor Star 2030 (Penggantian)

2.5 PROSES DAN JADUAL PENYEDIAAN RT PENGGANTIAN

Proses utama penyediaan RT Penggantian melibatkan empat (4) peringkat utama seperti di **Rajah 2.1**.


Rajah 2.1 : Peringkat Penyediaan RT Penggantian



Rajah 2.2 menunjukkan proses penyediaan RT Penggantian melibatkan perincian empat (4) peringkat penyediaan RT ini manakala **Jadual 2.1** pula menunjukkan jadual yang ditetapkan bagi penyediaannya. Tempoh penyediaan laporan DRT adalah 12 bulan.

¹ Peringkat ini akan dibincangkan dalam Bahagian 4 Pewartaan, Pembatalan dan Kawalan Dokumen

Rajah 2.2 : Proses Penyediaan RT Penggantian



Petunjuk : Keperluan Akta 172.

Jadual 2.1: Jadual Kerja Penyediaan DRT Penggantian 2

(Nama Draft Rancangan Tempatan)


[illegible]

Petunjuk:

Tempoh masa adalah tertakluk kepada pengurusan jabatan masing-masing.

Tempoh masa yang telah ditetapkan.

² Perincian Jadual perlaksanaan mengikut aktiviti diasaskan kepada piagam pelanggan.



PERINGKAT 1 : MOBILISASI


Peringkat mobilisasi dimulakan dengan merangka program kerja dengan mengambilkira dan mendokumentasi kesemua keperluan perundangan dan keperluan perancangan (dasar, garis panduan dan maklumbalas orang awam). Pengumpulan data serta maklumat asas yang berkaitan dengan kawasan RT perlu dijalankan.

Peringkat mobilisasi melibatkan lima (5) komponen utama iaitu :

- i. Penyediaan Laporan Rangka Projek (LRP);
- ii. Program Publisiti Awal;
- iii. Penyediaan Asas Rujukan;
- iv. Pelantikan Perunding (jika perlu); dan
- v. Penyediaan Peta Asas.

2.5.1 Penyediaan Laporan Rangka Projek (LRP)

LRP merupakan satu dokumen yang menerangkan rangka kerja dan latar belakang serta justifikasi penyediaan Draf RT. Ia disediakan bagi tujuan pandu arah di dalam program publisiti awal. Kandungan LRP adalah sepertimana **Jadual 2.2**.



Jadual 2.2 : Kandungan Laporan Rangka Projek

Kandungan	Penerangan
Rangka Halatuju Pembangunan (Wawasan, Matlamat Dan Objektif)	i. Rangka halatuju pembangunan Draf RT adalah berdasarkan kepada profil dan aspirasi tempatan. Aspek utama yang perlu diambilkira ialah: • Dasar-dasar pembangunan negara dan negeri yang dicadangkan dalam RSN; • Terjemahan dasar-dasar Negeri dan Persekutuan; • Kajian lain yang berkaitan dengan kawasan RT; dan • Justifikasi/keperluan kajian.
Profil Kawasan RT	i. Ia bertujuan mengenalpasti latar belakang dan senario semasa. Tiga (3) jenis data dan maklumat yang diperlukan seperti berikut : • Peta asas yang mengandungi sempadan pentadbiran (daerah, mukim, PBPT, geo-politik), elemen fizikal (badan air, infrastruktur dan utiliti), topografi, guna tanah semasa dan lain-lain elemen asas. Peta asas hendaklah disediakan dalam format digital; • Maklumat asas yang mengandungi data demografi, sosio ekonomi dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengan kawasan RT; dan • Isu-isu awal dan potensi kawasan RT.
Pengurusan dan Kewangan	i. Pasukan kajian terdiri daripada PBPT, JPBD Negeri dan lain-lain agensi mengikut keperluan; ii. Anggaran kos kajian boleh melibatkan agihan peruntukan daripada beberapa pihak seperti UPEN, Kerajaan Negeri dan PBT mengikut tahun; dan iii. Anggaran ini merangkumi kos pengurusan dan kos perunding (jika berkaitan).



2.5.2 Program Publisiti Awal

Publisiti Awal merupakan pendekatan yang bertujuan untuk membuat hebahan kepada pihak berkepentingan berkaitan dengan cadangan penyediaan rancangan tempatan dan mendapat maklumbalas awal berhubung dengan isu semasa dan cadangan awal bagi memantapkan draf Asas Rujukan.

Kaedah bagi program publisiti awal boleh dilakukan secara minima. Kaedah bagi program publisiti awal boleh dilakukan melalui pelbagai cara seperti berikut:


- i. Kain rentang atau poster;
- ii. Program *Focus Group Discussion (FGD)*;
- iii. Sesi dialog;
- iv. Taklimat;
- v. Bengkel;
- vi. Notis akhbar;
- vii. Publisiti Awam Atas Talian (*Online Public Engagement*); dan
- viii. Hebahan-hebahan lain seperti media elektronik atau media masa.

Untuk proses dan prosedur yang lebih terperinci, sila rujuk **Manual Publisiti dan Penyertaan Awam** edisi terkini.

2.5.3 Penyediaan Asas Rujukan

Asas Rujukan merupakan dokumen yang disediakan sebagai panduan dan terma penyediaan Draf RT. Ia merupakan pernyataan mengenai visi dan objektif RT, rumusan dasar-dasar spatial negara dan negeri yang mempunyai kesan terhadap kawasan RT serta aspek-aspek yang hendak dikaji termasuk kos kajian.

Kandungan dan prosesnya adalah seperti di **Jadual 2.3** dan **Rajah 2.3**.



Jadual 2.3: Kandungan Asas Rujukan

Kandungan	Penerangan
Pengenalan	i. Menerangkan tujuan penyediaan Asas Rujukan; dan ii. Objektif kajian.
Rangka Kerja Keperluan	i. Menerangkan latar belakang, perletakan dan sempadan kawasan RT merangkumi kawasan pembangunan dan kawasan berpotensi untuk dibangunkan atau dipelihara selaras dengan keperluan pembangunan seperti yang dipersetujui oleh pelanggan; ii. Menjelaskan keperluan perundangan; dan iii. Keperluan penduduk setempat.
Rangka Kerja Perancangan dan Pembangunan	i. Menerangkan asas pembentukan halatuju perancangan berdasarkan daripada kajian-kajian terdahulu; ii. Menerangkan pembangunan kawasan bersempadanan; iii. Menjelaskan tekanan pasaran hartanah; dan iv. Isu dan masalah berdasarkan RSN dan pembangunan tempatan semasa Publisiti Awal.
Halatuju Pembangunan	i. Wawasan pembangunan yang menerangkan visi dan arah tuju pembangunan bagi kawasan RT; ii. Matlamat pembangunan yang merumuskan arah tuju dan penekanan perancangan menepati wawasan yang dinyatakan ke dalam rangka kerja DRT bagi tempoh perancangan yang ditetapkan; iii. Objektif pembangunan yang menterjemahkan wawasan dan matlamat pembangunan ke dalam aspek-aspek perancangan guna tanah bagi kawasan RT; iv. Kesan/impak pembangunan; dan

Rajah 2.3
Proses Penyediaan Asas Rujukan




(samb. Jadual 2.3)

	v. Kriteria pemilihan bagi penentuan halatuju pembangunan (wawasan, matlamat, objektif, dasar dan program) hendaklah memenuhi ciri-ciri SMART (<i>Specific, Measureable, Achievable, Relevant, Time Bound</i>) bagi memudahkan pemantauan RT dibuat pada masa akan datang.
Skop dan Bidang Kajian	i. Penentuan dalam pemilihan skop dan bidang kajian perlu diberi penekanan bagi memenuhi kehendak wawasan, matlamat dan objektif; dan ii. Sektor-sektor mengikut keperluan kajian adalah seperti berikut : • Perspektif Makro; • Sosio Ekonomi; • Ciri-Ciri Fizikal Dan Guna Tanah; • Pusat Bandar Dan Komersil; • Reka Bentuk Bandar; • Kemudahan Rekreasi Dan Lanskap; • Perumahan; • Kemudahan Masyarakat; • Pembangunan Petempatan Desa; • Perindustrian; • Pertanian Dan Perhutanan; • Penduduk Dan Pekerjaan; • Perparitan ; • Pelancongan; • Pengangkutan Dan Pengurusan Lalulintas; • Pembetulan; • Pengurusan Sisa Pepejal Dan Sisa Toksik; • Bekalan Elektrik;

Rajah 2.3
Proses Penyediaan Asas Rujukan





(samb. Jadual 2.3)

	• Telekomunikasi; • Bekalan Air; • Bekalan Gas; • Pembentukan Sistem Maklumat GIS; • Alam Sekitar Dan Sumberjaya Asli; • Pengurusan Dan Perlaksanaan; dan • Penilaian Kemampanan.
Pengurusan dan Kewangan	i. Struktur pengurusan kajian yang menerangkan JK yang akan menyelaras dan mengawal selia perjalanan kajian dari segi kemajuan pelaksanaan dan kualiti hasil serta meluluskan DRT; ii. Tempoh kajian yang mengandungi jadual pelaksanaan kajian mengikut perjalanan aktiviti-aktiviti utama yang dipersetujui oleh pelanggan; iii. Hasil Kajian; dan iv. Menjelaskan pengurusan kewangan dan anggaran perbelanjaan yang diperlukan mengikut pecahan kos terperinci bagi penyediaan DRT.

Rajah 2.3
Proses Penyediaan Asas Rujukan



2.5.4 Pelantikan Perunding (Jika Perlu)

Penyediaan RT boleh dibuat secara bersama dengan perunding. Jika perlu, penglibatan perunding boleh dilaksanakan sepenuhnya atau pun mengikut keperluan kepakaran seperti **Lampiran II**.

2.5.5 Penyediaan Peta Asas

Asas penyediaan DRT dimulakan dengan penyediaan peta asas digital menggunakan Sistem Maklumat Geografi (*GIS*). Peta asas yang disediakan merupakan **Pelan Guna Tanah**, ianya akan diguna sebagai pelan induk bagi penyediaan pelan sokongan yang lain.



Proses penyediaan Pelan Guna Tanah (peta asas) akan melibatkan kerja-kerja pengemaskinian dan semakan seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 2.4**. Penyediaan Pelan Guna Tanah (peta asas) bergantung kepada kesediaan pelan guna tanah sedia ada (GIS jika ada) bagi RT terdahulu. Untuk tujuan verifikasi Pelan Guna Tanah GIS, contoh kaedah penyediaannya adalah seperti di **Rajah 2.5**.

Manakala, bagi RT terdahulu yang tidak mempunyai pelan guna tanah sedia ada yang mengikut Lot Kadaster Berdigit JUPEM, maka penyediaan peta asas baru hendaklah dilakukan dengan mematuhi piawaian yang ditetapkan seperti berikut :


- i. Peta asas (pelan gunatanah) perlu menggunakan Lot Kadaster Berdigit JUPEM mengikut tahun semasa kajian, yang diperolehi dari Bahagian Maklumat Gunatanah Negara (BMGN), JPBD SM atau JUPEM Negeri; dan
- ii. Penyediaan peta asas perlu dibangunkan menggunakan perisian *GIS*, dengan merujuk kepada piawaian **Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Kajian Rancangan Pemajuan, JPBD SM** termasuk penggunaan *Remote Sensing*.

Antara perkara yang perlu dipatuhi dalam penyediaan pelan asas ini adalah:

i. **Sistem Unjuran Pelan (*Map Projection*)**

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah memperkenalkan Datum Geosentrik Malaysia 2000 (Geocentric Datum of Malaysia 2000 – GDM2000) bagi menggantikan penggunaan sistem Koordinat Cassini Soldner. Sehubungan itu, penyediaan pelan bagi Rancangan Tempatan perlu disediakan dengan menggunakan sistem koordinat ***Cassini Soldner Geocentric (GDM2000 Cassini)*** mengikut data spatial kadaster negeri yang terlibat.

Penggunaan sistem koordinat unjuran GDM2000 akan membolehkan kerja-kerja penukaran koordinat daripada satu sistem koordinat kepada sistem koordinat yang lain menghasilkan data yang homogen. Perkara ini adalah disebabkan GDM2000 merupakan datum yang berkejituan tinggi yang menggunakan pusat jisim bumi sebagai origin.



Secara tidak langsung, penggunaan GDM2000 ini, akan mengatasi masalah unjuran data yang tidak tepat sebelum ini, apabila kerja-kerja penukaran koordinat dijalankan.

ii. **Pangkalan Data**

Pangkalan data perlu disediakan mengikut tema dan nama lapisan data seperti yang telah ditetapkan. Ianya bertujuan untuk memastikan sama ada rekabentuk dan struktur data yang sedia ada menepati rekabentuk dan struktur data yang terdapat dalam pangkalan data Rancangan Tempatan. Penyediaan pangkalan data turut mengambilkira pematuhan penggunaan Kod Gunatanah dan Kod Warna Gunatanah yang telah ditetapkan.

iii. **Metadata**

Penyediaan metadata adalah berasaskan kepada **Manual Pengurusan Data Geospatial (GIS) Rancangan Pemajuan, JPBDSM**. Metadata adalah keterangan mengenai data.

Pembekal data perlu menyediakan metadata dengan merekod masuk maklumat-maklumat terperinci mengenai data yang telah disediakan. Maklumat-maklumat deskripsi ini akan memudahkan perkongsian data dan memudahkan pengguna memperoleh data geospatial yang dikehendaki. Melalui metadata yang disediakan ianya akan memberikan maklumat seperti perincian maklumat data, maklumat data custodian, sistem unjuran yang digunakan, tarikh data dikemaskini, sumber data dan sebagainya.

iv. **Suntingan Data (Topologi)**

Suntingan data perlu dilakukan dengan menggunakan kaedah *topology cleaning*. Tujuan suntingan data dilakukan bagi memastikan ketepatan data dengan menyelesaikan kesalahan lot yang wujud seperti garisan lebihan atau kurang (*undershoot, overshoot*), dan juga menyelesaikan polygon bertindih atau yang mempunyai ruang yang tidak diperlukan.



Peraturan suntingan data bagi memastikan tahap kualiti yang diperlukan terhadap hasil akhir adalah seperti berikut:-

i. **Butiran Garisan**

- Dua butiran yang sama mestilah tidak bersilang/bertindih (kecuali bagi jalan bertingkat) ; dan
- Mestilah tidak mempunyai tindihan butiran (data duplication).


ii. **Butiran Poligon**

- Mestilah tidak mempunyai tindihan butiran (data duplication); dan
- Mestilah tidak mempunyai ruang kecil (gap) antara setiap polygon.


Bagi tujuan memuktamadkan Pelan Guna Tanah, kerja-kerja verifikasi data perlu dilakukan dengan melibatkan agensi-agensi teknikal yang berkaitan. Antara agensi yang terlibat adalah:

- i. JPBD Negeri – Pengerusi;
- ii. PBT/PBPT;
- iii. Penghulu / Ketua Kampung / JKKK;
- iv. Pejabat Pendidikan Daerah;
- v. Pejabat Kesihatan Daerah;
- vi. Pejabat Projek – Urusetia;
- vii. Pentadbir Tanah Daerah;
- viii. Bomba dan Penyelamat;
- ix. JKR;
- x. PDRM;
- xi. JPS; dan
- xii. Lain-lain agensi mengikut keperluan.

Rajah 2.5 : Contoh Kaedah Penyediaan Pelan Guna Tanah Rancangan Tempatan (Peta Asas)⁴



⁴ Rujuk Manual Sistem Maklumat Geografi (GIS) Kajian Rancangan Pemajuan, JPBDMS



PERINGKAT 2 : PENYEDIAAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN

Peringkat ini menerangkan laporan yang perlu disediakan dalam menghasilkan RT. Isi kandungan dalam setiap laporan juga akan diperincikan. Laporan-laporan yang dicadangkan ini merupakan garis panduan minimum dalam penyediaan RT, aplikasi secara menyeluruh atau dengan pengubahsuaian adalah mengikut keperluan.

Terdapat tiga (3) laporan utama perlu disediakan dalam peringkat ini iaitu:

- i. Laporan Pendekatan Kajian;
- ii. Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP); dan
- iii. Draf Rancangan Tempatan (Draf RT).

2.5.6 Laporan Pendekatan Kajian


Laporan Pendekatan Kajian menjelaskan keperluan yang digariskan dalam Asas Rujukan. Ia mengandungi perincian mengenai pendekatan dan metodologi kajian, teknik-teknik pengumpulan data, teknik-teknik analisis, program kajian dan cadangan kos perbelanjaan.

Kandungan dan proses penyediaan Laporan Pendekatan Kajian adalah seperti di **Jadual 2.4 dan Rajah 2.6.**

Jadual 2.4 : Kandungan Laporan Pendekatan Kajian

Kandungan	Penerangan
Latar Belakang dan Profil Kawasan RT	TIGA (3) perkara utama yang perlu dinyatakan berdasarkan kepada Laporan Asas Rujukan iaitu : Latar Belakang Kajian - Menerangkan keperluan menjalankan kajian seperti tarikh kelulusan JPN, justifikasi pemilihan, kepentingan kajian dan sebagainya; Profil Kawasan RT - Menerangkan profil kawasan RT seperti kuasa pentadbiran, asas guna tanah, asas ekonomi, asas demografi, keluasan kawasan yang diperakui, sempadan pentadbiran (daerah, mukim, PBT, geo-politik) dan lain-lain maklumat yang berkaitan serta memberi implikasi dalam perancangan; dan Profil Guna Tanah - Tindakan mengenalpasti '<i>trend</i>' atau profil guna tanah berdasarkan pelan guna tanah semasa kawasan RT.
Verifikasi Isu Dan Potensi	- Proses mengesahkan kewujudan dan kesahihan suatu isu dan masalah serta potensi awal kawasan RT adalah penting untuk menilai dan mengolah semula halatuju pembangunan yang sesuai dengan kawasan RT; dan - Ia perlu dijalankan melalui kajian lapangan dan semakan terhadap data sekunder bagi mengenalpasti kaedah analisis yang bersesuaian.

Rajah 2.6
Proses Penyediaan Laporan Pendekatan Kajian



(samb. Jadual 2.4)

Kandungan	Penerangan
Pemantapan Halatuju dan Wawasan Pembangunan	i. Halatuju Pembangunan - Hendaklah ditentukan dalam Asas Rujukan perlu dimantapkan dalam Laporan Pendekatan Kajian; - Lawatan tapak, verifikasi ke atas pelan guna tanah semasa, isu dan potensi kawasan RT serta maklumat-maklumat lain perlu dikumpul untuk memberi sokongan ke atas halatuju pembangunan yang telah ditetapkan;
	ii. Wawasan Pembangunan - Hendaklah mengandungi pernyataan halatuju pembangunan kawasan RT yang jelas dan mampu dicapai serta selaras dengan dasar dan strategi yang digariskan di dalam RSN; - Wawasan pembangunan yang ditetapkan akan menjadi asas dalam pembentukan dan penentuan matlamat, objektif dan skop kajian;
	iii. Matlamat Pembangunan - Hendaklah mampu menterjemah pernyataan wawasan sebagai asas halatuju pembangunan Draf RT secara menyeluruh; - Ia perlu menyatakan tujuan yang khusus dan jelas untuk mencapai wawasan dengan menggariskan aspek-aspek perancangan sebagai elemen teras kepada pembangunan kawasan RT; dan
	iv. Objektif Pembangunan Draf RT perlu menyenaraikan aspek-aspek utama perancangan (sektor perancangan) dengan menyatakan tujuan perancangan secara am serta disokong oleh justifikasi pembangunan bagi setiap sektor.

Rajah 2.6
Proses Penyediaan Laporan Pendekatan Kajian




(samb. Jadual 2.4)

Skop dan Pendekatan Kajian	i. Skop dan Pendekatan kajian menerangkan dengan terperinci aspek-aspek yang akan dikaji. Perkara-perkara utama yang perlu disenaraikan di dalam jadual skop dan bidang kajian adalah seperti berikut: • Pengenalpastian sektor kajian atau aspek-aspek yang berkaitan secara <i>'trans-sektoral'</i>; • Data yang diperlukan; • Teknik analisis; • Hasil yang dijangkakan; dan • Indikator. ii. Teknik analisis atau metodologi yang digunakan perlu digambarkan dalam bentuk rajah, carta alir atau kaedah-kaedah lain yang bersesuaian; dan iii. Mengenalpasti skop dan pendekatan kajian berdasarkan Teras/Fokus Pembangunan yang dikenalpasti.
Penentuan dan Pembahagian Blok Perancangan	i. Mencadangkan sempadan BP berdasarkan keadaan fizikal tapak, tumpuan dan isu pembangunan kawasan RT; ii. Penentuan BP hendaklah ditentukan berdasarkan kepada perkara-perkara utama berikut: • Sempadan kawasan RT; • Sempadan kawasan PBPT (zon perancangan); • Sempadan pentadbiran / geopolitik; • Profil dan <i>'trend'</i> guna tanah semasa; dan • Elemen fizikal sedia ada (badan air, jalan, rezab landasan keretapi, rezab kemudahan utiliti dan lain-lain). iii. BP yang telah dikenalpasti hendaklah dinilai dan dibahagikan sesuai dengan keperluan <i>trend</i> guna tanah.

Rajah 2.6
Proses Penyediaan
Laporan Pendekatan Kajian





(samb. Jadual 2.4)

Pengurusan dan Kewangan	i. Jadual Program Kerja Pengurusan kajian menetapkan tempoh penjadualan kajian dan penyerahan laporan. Jadual ini juga perlu mencadangkan tarikh bagi persidangan jawatankuasa yang berkaitan bagi tujuan memuktamadkan laporan serta kelulusan pembayaran (jika berkaitan); ii. Kajian Lapangan Kajian lapangan yang akan dijalankan serta program kerja, metodologi dan kaedah pengumpulan data; iii. Kos Kajian Lapangan Peruntukan kewangan kajian memperincikan kos kajian lapangan serta kos-kos lain yang terlibat (jika berkaitan); dan iv. Batasan/Kekangan Menjalankan Kajian Lapangan Batasan-batasan atau kekangan yang mungkin dihadapi semasa pengumpulan maklumat dan menjalankan kajian lapangan. Ini akan dapat memberikan maklumat terhadap langkah-langkah pencegahan atau tindakan pembetulan bagi memastikan kelancaran perjalanan kajian.
Penilaian Kemampanan⁵	i. 'Sustainability Assessment' (SA) dalam peringkat Laporan Pendekatan Kajian mengenalpasti isu-isu dan objektif pembangunan mampan melalui program <i>Focus Group Discussion</i> atau lain-lain perbincangan; ii. Asas penilaian untuk menilai kemampuan cadangan dan strategi perlu dibentuk; dan iii. Indikator pembangunan mampan perlu dikenalpasti untuk tindakan penyelesaian masalah dan menentukan sasaran sektor-sektor berkaitan.
Pengukuran Pencapaian Semasa	i. Keperluan penetapan indikator bagi pengukuran pencapaian semasa berdasarkan RSN , RT Asal, indikator MURNINET dan lain-lain indikator sebagai pengukuran.
Cadangan Awal	i. Merangka cadangan awal yang dijangka boleh dilaksanakan berdasarkan verifikasi isu dan potensi serta pencapaian semasa.

Rajah 2.6
Proses Penyediaan
Laporan Pendekatan Kajian



⁵ Rujuk Manual 'Sustainability Assessment' Dalam Penyediaan Rancangan Tempatan Terbitan JPBD SM



2.5.7 Laporan Analisis Dan Strategi Pembangunan (LASP)

Laporan ini menerangkan penemuan analisis kajian berserta unjuran sektoral selaras dengan keperluan matlamat, objektif, skop kajian dan disediakan dengan menggunakan teknik-teknik analisis yang telah ditentukan. Hasil laporan akan digunakan sebagai asas dalam penyediaan DRT sepertimana **di Rajah 2.7**.

Terdapat dua (2) komponen utama LASP iaitu :


Bahagian 1 : Analisis dan Penemuan

Bahagian 2 : Rangka Konsep dan Strategi Pembangunan.

Rajah 2.7 : Proses Penyediaan LASP



Kandungan LASP adalah seperti **di Jadual 2.5**.



Jadual 2.5 : Kandungan LASP

Kandungan	Penerangan
Bahagian 1 : Analisis Dan Penemuan	
Analisis Data	i. Tujuan utama menganalisis data adalah untuk mengenalpasti <i>trend</i> pembangunan semasa dan menyediakan data-data untuk menjalankan unjuran keperluan sebagai asas perancangan masa hadapan; dan ii. Analisis data perlu dijalankan secara sektoral dan <i>trans-sectoral</i>. Teknik-teknik analisis seperti <i>Multi Criteria Evaluation</i>, <i>Cost Benefit Analysis</i>, <i>Planning Balance Sheet</i>, Analisis <i>SWOT</i> dan lain-lain yang bersesuaian juga boleh digunakan.
Rumusan Isu dan Masalah	i. Proses mengesahkan kewujudan dan kesahihan suatu isu dan masalah serta potensi dan prospek kawasan RT adalah penting untuk menilai dan mengolah semula halatuju pembangunan yang sesuai dengan kawasan RT.
Rumusan Penemuan	i. Merupakan rangka ke arah mendapatkan halatuju pembangunan
Semakan dan Pengesahan Blok Perancangan	i. Semakan semula BP yang telah dikenalpasti dan disahkan selari dengan pelan konsep dan disesuaikan dengan keperluan <i>trend</i> cadangan pembangunan guna tanah.
Bahagian 2 : Rangka Konsep Dan Strategi Pembangunan	
Pembentukan Strategi Dan Konsep	i. Dua (2) perkara utama perlu diambilkira di dalam membentuk Strategi Pembangunan dan Konsep iaitu; • Pelan Konsep a. Pelan konsep disediakan secara diagramatik bagi menterjemahkan secara konseptual dan spatial ke atas strategi pembangunan dan rangka cadangan awal; b. Pelan konsep yang dihasilkan perlu memberi gambaran yang menyeluruh terhadap perancangan masa hadapan (<i>forward planning</i>) terutama bagi mencapai halatuju pembangunan (wawasan, matlamat dan objektif); dan



(samb. Jadual 2.5)

	c. Alternatif-alternatif konsep dan strategi pembangunan bagi mengenalpasti konsep dan strategi pembangunan. • Strategi Pembangunan a. Strategi Pembangunan Utama merupakan Strategi Pembangunan Utama hendaklah digariskan untuk mencapai halatuju pembangunan yang telah ditetapkan secara menyeluruh. b. Strategi Pembangunan Mengikut Sektor adalah Strategi pembangunan mengikut sektor digariskan bagi menyelesaikan isu-isu strategik secara <i>trans-sektoral</i> dengan mengambilkira hasil unjuran serta mengeksplotasi potensi secara maksimum dan menyeluruh.
Cadangan Sektor	i. Cadangan sektoral dirangka untuk menangani isu-isu atau mengeksplotasi potensi yang telah dikenalpasti dalam hasil penemuan.
Penilaian Kemampanan (SA)	i. Penilaian kemampanan di peringkat ini adalah penilaian antara cadangan awal sektoral dan strategik pembangunan dengan objektif kemampanan; ii. Hasil penilaian dan pindaan ke atas cadangan sektoral dan strategik pembangunan akan didokumenkan; iii. Pindaan ke atas cadangan awal sektoral dan strategik pembangunan akan menghasilkan satu cadangan yang lebih serasi dengan objektif pembangunan mampan; dan iv. Untuk proses dan prosedur yang lebih terperinci, sila rujuk Manual <i>Sustainability Assessment</i> Dalam Penyediaan Rancangan Tempatan Terbitan JPBD SM.



2.5.8 Draf Rancangan Tempatan (Draf RT)


Draf RT merupakan dokumen rancangan tempatan yang menunjukkan perincian cadangan pembangunan dan program perlaksanaan bagi sesuatu kawasan rancangan tempatan. Mengikut keperluan Akta 172, bentuk dan isi kandungan Draf RT hendaklah mematuhi peruntukan berikut:

- i. Seksyen 12 (3)(a) : Draf RT hendaklah mengandungi suatu peta dan pernyataan bertulis.
- ii. Seksyen 12(3)(b) : Perkara-perkara yang ditetapkan atau ditentukan oleh JPN.
- iii. Seksyen 12 (8) : Cadangan Draf RT hendaklah menurut Rancangan Struktur
- iv. Seksyen 15 (6) : Sekiranya cadangan Draf RT mengatasi atau berbeza dengan RS sedia ada, keperluan mengistiharkan dalam Warta Negeri.

Bentuk dan Isi Kandungan Draf RT adalah seperti di **Rajah 2.8**.

Rajah 2.8 : Bentuk Dan Isi Kandungan Draf RT






Bentuk dan isi kandungan Draf RT sepertimana ditunjukkan dalam **Jadual 2.6** mengandungi dua (2) komponen utama iaitu :

i. Pernyataan Bertulis dan Peta Cadangan

Pernyataan Bertulis mengandungi kenyataan-kenyataan sokongan yang memberi justifikasi kepada cadangan pembangunan serta menjelaskan kandungan Peta Cadangan. Peta Cadangan pula menunjukkan perincian cadangan guna tanah bagi sasaran tahun perancangan. Ia juga menjelaskan wawasan, matlamat dan strategi pembangunan hasil daripada rumusan keadaan semasa dan penemuan.

Pernyataan bertulis terbahagi kepada beberapa subjek utama:

- Cadangan kegunaan tanah (termasuk memaju dan menggunakan tanah) mengikut kelas penggunaan tanah yang ditentukan dalam peta cadangan;
- Cadangan pengangkutan dan lalulintas;
- Cadangan memperelokkan alam sekitar dan pengekalan bangunan;
- Cadangan pemeliharaan topografi dan landskap;
- Cadangan institusi dan kemudahan masyarakat;
- Cadangan perancangan pembangunan utiliti;
- Cadangan projek berimpak tinggi (jika ada) ; dan
- Lain-lain subjek sesuai dengan keperluan kawasan kajian.




Jadual 2.6: Bentuk Dan Isi Kandungan

Kandungan	Penerangan
Pendahuluan	- Latar belakang kawasan RT; dan - Keperluan perundangan dan proses penyediaan ;
Rumusan Keadaan Semasa Dan Penemuan	Ringkasan keadaan semasa dan penemuan daripada Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan.
Strategi Pembangunan	Pembentukan strategi pembangunan (Teras/ Objektif/Tema) hasil daripada rumusan keadaan semasa dan penemuan.
Peta Cadangan	Peta Cadangan menunjukkan perincian cadangan guna tanah kawasan RT secara keseluruhan daerah bagi sasaran tahun perancangan; - Cadangan guna tanah yang ditunjukkan dalam Draf RT berdasarkan klasifikasi guna tanah berikut: • Perumahan; • Komersil; • Industri; • Institusi dan Kemudahan Masyarakat; • Tanah Lapang dan Rekreasi; • Pengangkutan dan Lalulintas; • Infrastruktur dan Utiliti; • Pertanian; • Hutan; • Badan Air; dan • Pantai. - Perkara-perkara lain yang perlu diambilkira : • Guna tanah sedia ada yang dikekalkan; • Guna tanah komited; • Penentuan kawasan khusus seperti kawasan bukit dengan garisan bukit ditunjukkan secara jelas, kawasan kegunaan khas dan kawasan sensitif alam sekitar sebagaimana peruntukan subseksyen 22(2A)(c), Akta 172;



(samb. Jadual 2.6)

	• Kawasan-kawasan galakan pembangunan seperti koridor pelancongan atau kawasan-kawasan pemeliharaan seperti zon sejarah, pemeliharaan hidupan liar dan sebagainya. • Kawasan-kawasan risiko geo bencana; • Kawasan-kawasan tanaman pengeluaran makanan utama (<i>food security</i>); iv. Peta Cadangan dipersembahkan dalam bentuk keseluruhan (Rajah 2.9) dan blok perancangan (Rajah 2.10); v. Bagi memudahkan rujukan, bentuk Peta Indeks boleh digunapakai iaitu peta rujukan yang menunjukkan peta-peta kadaster atau syit piawai dengan pengecaman dibuat terhadap nama-nama kampung, sungai, jalan dan maklumat-maklumat lain; vi. Saiz indeks adalah 2,800m x 2,000m iaitu $\frac{1}{4}$ daripada indeks syit piawai yang dikeluarkan oleh JUPEM. Ia dipersembahkan dalam format dan skala yang seragam iaitu 1:10,000 setiap indeks. Contoh rajah, sila rujuk Rajah 2.11 dan Rajah 2.12 ; dan vii. Setiap peta memaparkan nombor lot bagi kebanyakan lot serta tanda nama tempat yang jelas dan terperinci untuk guna tanah dan guna bangunan yang bersaiz kecil.
Pelan Subjek	i. Menerangkan cadangan pembangunan terperinci mengikut subjek; dan ii. Rujuk contoh Pelan Subjek bagi Cadangan Sistem Pengangkutan di Rajah 2.13.
Pelan Sisip	i. Merupakan pelan yang memperincikan cadangan yang terdapat dalam Pelan Subjek; dan ii. Contohnya Pelan Sisip bagi Cadangan Sistem Pengangkutan di Rajah 2.14.




(samb. Jadual 2.6)

Gambaran / Bahan Perihal	i. Merupakan lakaran-lakaran, gambar perspektif dan ilustrasi yang menjelaskan tentang cadangan.
Cadangan Projek Berimpak Tinggi	i. Menerangkan cadangan-cadangan projek yang dijangkakan memberi impak yang tinggi kepada kawasan kajian atau berkepentingan kepada negara/ negeri/daerah berdasarkan faktor sosio ekonomi, perubahan gunatanah fizikal, pertumbuhan penduduk dan sebagainya.
Garis Panduan Pembangunan Khusus	i. Bagi kawasan-kawasan yang memerlukan perincian khas, garis panduan pembangunan khusus dirangka untuk pelaksanaan cadangan pembangunan bagi kawasan-kawasan seperti berikut: • Kawasan tanah tinggi dan bercerun curam; • Kawasan banjir; • Kawasan tanah pertanian berkualiti; • Kawasan yang mempunyai unsur-unsur warisan dan kebudayaan; • Kawasan pinggir air dan pinggir pantai; • Kawasan-kawasan lain yang dikategorikan dalam Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS); dan • Kawasan-kawasan lain mengikut keperluan; ii. Sila rujuk Senarai Garis Panduan Perancangan di Lampiran III.
Pelan Intensiti Pembangunan	i. Keperluan kawalan perancangan intensiti pembangunan bagi aktiviti perbandaran dalam memastikan kemudahan infrastruktur mampu menyokong cadangan pembangunan dan melindungi kemudahan-kemudahan sediaada; ii. Intensiti pembangunan dikawal dalam dua bentuk iaitu : • Kawalan kepadatan bagi pembangunan. Rujuk Contoh Pelan Kawalan Kepadatan di Rajah 2.15; dan



(samb. Jadual 2.6)

	Kawalan keperluan ruang lantai melalui penggunaan nisbah plot bagi pembangunan kediaman dalam kawasan Pusat Bandaraya, perdagangan, pembangunan bercampur dan pembangunan perindustrian. Sila Rujuk Contoh Pelan Kawalan Nisbah Plot di Rajah 2.16.
Jadual Kelas Penggunaan Tanah Dan Bangunan	Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan disediakan bagi memperincikan penggunaan tanah mengikut BPK. Ia hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut: - Jenis guna tanah; - Aktiviti yang dibenarkan; - Aktiviti lain yang dibenarkan dengan syarat; - Aktiviti yang tidak dibenarkan; dan - Lain-lain syarat / Catatan; - Sila Rujuk Jadual 2.7 yang menunjukkan format jadual kelas penggunaan tanah dan bangunan; - Draf RT juga perlu menetapkan Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan yang dibenarkan untuk tujuan pertimbangan permohonan kebenaran merancang, permohonan lesen dan permit perniagaan; dan - Penetapan ini tertakluk kepada perincian dalam Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan mengikut kawasan dan BPK dan rujuk Contoh Pengisian Kelas Penggunaan Tanah Dan Bangunan di Jadual 2.8.




Sumber : RT Daerah Rembau (Pengantian) 2025

5.1-3




Sumber : RT Daerah Kuala Muda 2020




Rajah 2.12 : Contoh Peta Indeks mengikut Nombor Indeks

RANCANGAN TEMPATAN DAERAH HILIR PERAK 2020




Sumber : RT Daerah Hilir Perak 2020


Rajah 2.13: Contoh Pelan Subjek



Rajah 2.14 : Contoh Pelan Sisip




Rajah 2.15 : Contoh Peta Kepadatan




Sumber : Plan Bandaraya Kuala Lumpur 2020

Rajah 2.16 : Contoh Peta Nisbah Plot



Sumber : Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020



Jadual 2.7. : Format Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan


KOLUM I JENIS GUNA TANAH	KOLUM II AKTIVITI YANG DIBENARKAN	KOLUM III AKTIVITI YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT		KOLUM IV AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN	KOLUM V LAIN-LAIN SYARAT/CATATAN
		Aktiviti	Syarat		

Sumber : Pasukan kajian, 2013

Jadual 2.8. : Contoh Jadual Penggunaan Tanah dan Bangunan

(Rujukan Pelan : S128, S129 & S143)																			
KOLUM I JENIS GUNA TANAH	KOLUM II AKTIVITI YANG DIBENARKAN	KOLUM III AKTIVITI LAIN YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT	KOLUM IV AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN	KOLUM V LAIN-LAIN SYARAT															
	Aktiviti	Syarat																	
PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN	KELAS A : PERDAGANGAN A1 : Perkedaan A2 : Kompleks Perniagaan A3 : Institusi Swasta A4 : Pusat Hiburan A5 : Bangunan Penginapan A6 : Pusat Kewangan A8 : Gerai & Pasar A9 : Makanan & Minuman A10 : Stesen Minyak AKTIVITI SEDIA ADA (Aktiviti yang telah diusahakan sebelum pewarisan RT dan telah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri)	• Pemusatan bengkel dan IKS • Kedudukan bengkel dan IKS perlu berhadapan jalan utama (30m) • Anjakan tepi dan belakang bangunan (minimum 12 meter) • Mengikut keperluan • Piawaian Perancangan yang ditetapkan dan tertakluk kepada keperluan teknikal.	KELAS A : PERDAGANGAN A2 : Kompleks Perniagaan .5 Pasarnya Besar .6 Kompleks Bebas Cukai A3 : Institusi Swasta 2.2.4 Sanatorium .3 Perkuburan A4 : Pusat Hiburan .5 Bar/Pub/Disko A7 : Bangunan Sementara A8 : Gerai dan Pasar .2 Pasar borong .3 Pasar basah KELAS D : INSTITUSI AWAM D2 : Kesihatan .6 Sanatorium D5 : Keselamatan D6 : Rumah Kebajikan D6 : Rumah Kebajikan KELAS E : PENGANGKUTAN, INFRASTRUKTUR & UTILITI E1 : Pengangkutan Darat .5 Depot Lori/ Jentera Berat .6 Depot Keretapi/ LRT E5 : Infrastruktur & Utiliti .6 Pelupusan Sisa Pepejal .7 Pelupusan Sisa Toksik SELAIN AKTIVITI YANG DINYATAKAN DI KOLUM I, II & III	• Pembangunan komersial dibenarkan di : i) Pekan Lama Sg. Petani ii) Pusat Komersial Pesisiran Sungai Petani; dan iii) Pusat-pusat kejiranan • Nisbah Plot & Ketinggian bangunan :<table><thead><tr><th>Lokasi</th><th>Nisbah Plot</th><th>Ketinggian Maksimum</th></tr></thead><tbody><tr><td>Pekan lama Pesisiran Sg. Petani</td><td>1:2</td><td>3</td></tr><tr><td>Koridor LRT (dari Menara Jam – Landenda Heights)</td><td>1:3</td><td>4</td></tr><tr><td>Pusat kejiranan</td><td>1:3</td><td>3</td></tr><tr><td>Pusat bandar</td><td>1:8</td><td>15</td></tr></tbody></table> • Kawasan Plinth < 1 ekar = 80% > 1 ekar = 60% • Lot-lot berhadapan dengan jalan utama (30 meter) dibenarkan ditukar syarat kepada guna tanah perniagaan, tertakluk kepada keperluan piawaian perancangan dan keperluan teknikal. • Semua pemajuan perlu mematuhi garis panduan dan piawaian yang digunakan oleh MPSPK. • Sebarang aktiviti yang bercanggah dengan Kolum I, II & III perlu mendapat kelulusan khas daripada Pihak Berkuasa Negeri. GARIS PANDUAN: • Penyediaan Zon Penampungan 50 meter, Garis Panduan Pesisiran Pantai dan Sungai. • Garis Panduan Pembangunan Berhadapan Sungai.	Lokasi	Nisbah Plot	Ketinggian Maksimum	Pekan lama Pesisiran Sg. Petani	1:2	3	Koridor LRT (dari Menara Jam – Landenda Heights)	1:3	4	Pusat kejiranan	1:3	3	Pusat bandar	1:8	15
	Lokasi	Nisbah Plot	Ketinggian Maksimum																
Pekan lama Pesisiran Sg. Petani	1:2	3																	
Koridor LRT (dari Menara Jam – Landenda Heights)	1:3	4																	
Pusat kejiranan	1:3	3																	
Pusat bandar	1:8	15																	
	KELAS B : PERINDUSTRIAN B2 : Industri Sederhana .63 Bengkel Membaiki Kenderaan Bermotor & Jentera KELAS C : PERUMAHAN C5 : Rumah Bertingkat C6 : Asrama/Kuarters KELAS D : INSTITUSI AWAM D1 : Pendidikan D2 : Kesihatan D3 : Keagamaan D5 : Keselamatan D7 : Kemudahan Masyarakat D8 : Kegunaan Kerajaan D9 : Institusi Swasta (Bermotif Sosial) KELAS E : PENGANGKUTAN, INFRASTRUKTUR & UTILITI E1 : Pengangkutan Darat E2 : Pengangkutan Air E4 : Jalan E5 : Infrastruktur & Utiliti KELAS F : TANAH LAPANG & REKREASI F1 : Tanah Lapang F2 : Rekreasi & Sukan	• Perumahan Berdensiti Tinggi (Kepadatan Maksimum : 70 unit/ ekar) • Mengikut keperluan • Piawaian Perancangan yang ditetapkan dan tertakluk kepada keperluan teknikal. • Mengikut keperluan • Piawaian Perancangan yang ditetapkan dan tertakluk kepada keperluan teknikal.																	

Sumber : RT Daerah Kuala Muda 2020




ii. Laporan – Laporan Sokongan

Laporan sokongan merupakan laporan pelaksanaan Rancangan Tempatan yang disediakan sebagai panduan kepada PBPT dan agensi-agensi pelaksana. Kandungan laporan-laporan sokongan sepertimana ditunjukkan di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9 : Kandungan Laporan-Laporan Sokongan

Laporan	Penerangan
Pengurusan dan Pelaksanaan	i. Cadangan pengurusan dan pentadbiran pelaksanaan projek dan program yang dicadangkan; ii. Senarai projek dan program yang dicadangkan; iii. Anggaran kos kewangan yang diperlukan; dan iv. Tempoh atau fasa pelaksanaan projek dan program pembangunan.
Penilaian Kemampanan (SA)	i. Bertujuan menilai keupayaan serta memperelokkan suatu pelan, polisi atau program dalam mencapai objektif pembangunan mampan; ii. SA melibatkan masyarakat setempat dan selari dengan <i>people-centred planning</i>; iii. Kaedah penilaian yang digunakan adalah Kaedah Matriks yang menentukan objektif-objektif kemampanan yang telah dikenalpasti oleh Pasukan Kajian, PBPT dan <i>stakeholders</i> bagi kawasan RT dapat dicapai; iv. Laporan Penilaian Kemampanan ini disediakan di peringkat Laporan Pendekatan Kajian, Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan serta peringkat DRT. Rujuk Jadual 2.10; dan v. Untuk proses dan prosedur yang lebih terperinci, sila rujuk Manual <i>Sustainability Assessment</i> Dalam Penyediaan Rancangan Tempatan Terbitan JPBD SM.
Pangkalan Data Sistem Maklumat Geografi (GIS)	i. Diperlukan untuk mengurus maklumat perancangan dengan mudah; ii. Maklumat-maklumat yang dikumpul dalam kajian RT distrukturkan dalam satu pangkalan data; dan iii. Maklumat geospasial berpanduan kepada format Metadata dalam Manual Penyediaan GIS yang disediakan oleh JPBD SM.
Memudahcara Pembangunan (Development Facilitation)	i. Memperincikan cadangan pembangunan secara kolaborasi bersama agensi-agensi teknikal berkaitan.




Jadual 2.10: Contoh Penilaian Kemampunan

Objektif Rancangan Tempatan	Objektif Kemampunan																										
	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK	OK
1																											
Mengurus risiko bencana bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat dan mengurangkan kerugian ekonomi																											
Teras 5 : Keberkesanan Urustadbir dan Daya Laksana																											
Meningkatkan kemampuan dan keberkesanan urustadbir pihak berkuasa tempatan untuk memberi perkhidmatan yang terbaik																											
Mengenalpasti dan menjana sumber kewangan alternatif yang optima/mencukupi untuk menampung pembangunan daerah																											
Mempertingkatkan keberkesanan sistem penyampaian dalam melaksanakan Rancangan Tempatan																											

Serasi/impak positif
 Neutral
 Tidak serasi/impak negatif

Sumber : RT Daerah Hilir Perak 2020



PERINGKAT 3 : PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM


2.5.9 Publisiti dan Penyertaan Awam

Keperluan mengadakan publisiti dan penyertaan awam selaras dengan peruntukan subseksyen 13(1) Akta 172 untuk mendapatkan pandangan, maklumbalas, bantahan dan rayuan daripada pihak–pihak berkepentingan.

Jadual 2.11 menunjukkan peringkat publisiti yang terlibat dan keperluan penyediaan kertas kerja/laporan yang diperlukan. Untuk proses dan prosedur yang lebih terperinci, sila rujuk **Manual Publisiti dan Penyertaan Awam** edisi terkini.

Jadual 2.11 : Publisiti Dan Penyertaan Awam- Penyediaan Kertas Kerja / Laporan Yang Diperlukan

Peringkat	Kaedah	Kertas Kerja	Laporan
Publisiti Awal	i. Kain rentang atau poster; ii. Program <i>Focus Group Discussion (FGD)</i> ; iii. Sesi dialog; iv. Taklimat; v. Bengkel; vi. Notis akhbar; vii. Publisiti Awam Atas Talian (<i>Online Public Engagement</i>); dan viii. Hebahan-hebahan lain seperti media elektronik atau media masa Sila pilih kaedah yang mana bersesuaian.	Kertas Kerja Publisiti Awal	Laporan Publisiti Awal
Publisiti Draf RT	i. Notis Akhbar : 3 keluaran dalam 2 akhbar tempatan dan salah satu dalam bahasa kebangsaan (Rujuk Lampiran IV); dan ii. Salinan Laporan Draf RT untuk pemeriksaan	Kertas Kerja Publisiti dan Penyertaan Awam untuk kelulusan JPN	a) Laporan Publisiti Dan Representasi; dan b) Laporan Jawatankuasa Siasatan Tempatan Dan Pendengaran Awam (Jika ada bantahan)
Perlanjutan Tempoh Publisiti Draf RT	i. Tempoh lanjutan publisiti Draf RT tidak melebihi 4 minggu; dan ii. Hanya boleh dilanjutkan 1 kali sahaja	Kertas Kerja yang berkaitan	
Publisiti Pewartaan	i. Siar melalui Warta Negeri; dan ii. Notis Akhbar : Sekurang-kurangnya 1 keluaran dalam 2 akhbar tempatan dan salah satu dalam bahasa kebangsaan (Rujuk Lampiran VII dan VIII).	Kertas Kerja yang berkaitan	Rancangan Tempatan Penggantian



2.6 HASIL KAJIAN

SEPULUH (10) laporan yang perlu dihasilkan dalam proses penyediaan RT Penggantian berdasarkan keperluan semasa kajian.

Laporan-laporan yang dihasilkan ialah:


- i. Laporan Rangka Projek;
- ii. Laporan Publisiti Awal;
- iii. Laporan Asas Rujukan;
- iv. Laporan Pendekatan Kajian;
- v. Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan;
- vi. Draf Rancangan Tempatan;
- vii. Laporan Publisiti dan Representasi;
- viii. Laporan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam (jika ada bantahan);
- ix. Rancangan Tempatan; dan
- x. Laporan-laporan sokongan

Dokumentasi laporan-laporan perlu seiring dengan perkembangan Teknologi Maklumat (IT) dari masa ke semasa. Oleh itu, penyediaan laporan dalam konteks 'soft copy' seperti cakera padat adalah **diwajibkan** sebagai hasil sampingan selain laporan-laporan bercetak.

2.7 RINGKASAN PENYEDIAAN


Ringkasan proses penyediaan RT Penggantian sepertimana **Rajah 2.17**.

Rajah 2.17 : Ringkasan Proses Dan Hasil Penyediaan DRT Penggantian



Bahagian 3

RT PENGUBAHAN



BAHAGIAN 3.0 RT PENGUBAHAN


- 3.1 *Pengenalan*
 - 3.2 *Kriteria RT Pengubahan*
 - 3.3 *Tempoh Perancangan*
 - 3.4 *Nama RT Pengubahan*
 - 3.5 *Proses dan Jadual Penyediaan RT Pengubahan*
 - 3.5.1 *Penyediaan Kertas Cadangan*
 - 3.5.2 *Program Publisiti Awal*
 - 3.5.3 *Draf RT Pengubahan*
 - 3.5.4 *Publisiti dan Penyertaan Awam*
 - 3.6 *Hasil Kajian*
 - 3.7 *Ringkasan Penyediaan*
-

3.1 PENGENALAN

'RT Pengubahan' adalah merujuk kepada pindaan RT yang melibatkan sebahagian kawasan atau kandungannya; di mana RT Pengubahan dan bahagian RT asal yang tidak diubah adalah terpakai (dibaca bersama) bagi tujuan kawalan perancangan dan proses RT Pengubahan adalah tertakluk kepada subseksyen 16(3) Akta 172.

3.2 KRITERIA RT PENGUBAHAN

- i. RT Pengubahan perlu disediakan apabila ianya melibatkan kepada kepentingan negara atau mempunyai kepentingan sosio-ekonomi negeri seperti:
 - Penyediaan kemudahan awam;
 - Perubahan zon pembangunan ekonomi negara dan negeri; dan
 - Cadangan pemajuan di bawah subseksyen 22(2A) yang telah mendapat nasihat Majlis Perancangan Fizikal Negara;
- ii. Terdapat perubahan peta cadangan berkenaan BP/BPK;
- iii. Terdapat perubahan berkenaan Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan; dan
- iv. Terdapat perubahan terhadap peta cadangan, keluasan perubahan hendaklah tidak melebihi 50% daripada keseluruhan kawasan RT asal.



3.3 TEMPOH PERANCANGAN

Mengikut tempoh perancangan RT asal.

3.4 NAMA RT PENGUBAHAN

RANCANGAN TEMPATAN [**NAMA RT ASAL**] [**BILANGAN PENGUBAHAN**]
PINDAAN SEBAHAGIAN ZONING GUNATANAH BAGI BPK [**BPK YANG TERLIBAT**]
DALAM RANCANGAN TEMPATAN [**RT ASAL YANG TELAH BERKUATKUASA**]

Contoh 1 :

Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2020 (Pengubahan 1)

- Pindaan Sebahagian Zoning Gunatanah Bagi BPK 2.3 dan BPK 3.3 Dalam Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya 2020

Contoh 2 :

Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru 2020 (Pengubahan 1)

- Pindaan Sebahagian Zoning Gunatanah Bagi BPK 1.1 - 1.5 dan BPK 3.1- 3.5 Dalam Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru 2020

Contoh 3 :


Rancangan Tempatan Daerah Manjung 2020 (Pengubahan 1)

- Pindaan Sebahagian Zoning Gunatanah Bagi BPK 5.5 dan BPK 7.3 Dalam Rancangan Tempatan Daerah Manjung 2020

3.5 PROSES DAN JADUAL PENYEDIAAN RT PENGUBAHAN


Proses utama penyediaan RT Pengubahan melibatkan empat (4) peringkat utama seperti di **Rajah 3.1**.

Rajah 3.1 : Peringkat Penyediaan RT Pengubahan




Rajah 3.2 menunjukkan perincian empat (4) peringkat penyediaan RT ini, dan **Jadual 3.1** menunjukkan jadual yang ditetapkan bagi penyediaannya. Tempoh penyediaan laporan Draf RT adalah enam (6) bulan.

⁶ Peringkat ini akan dibincangkan dalam Bahagian 4 : Pewartaan, Pembatalan dan Kawalan Dokumen



Rajah 3.2 : Proses Penyediaan RT Pengubahan



Petunjuk : Keperluan Akta 172

Jadual 3.1 : Jadual Kerja Penyediaan RT Pengubahan 7

(Nama Draft Rancangan Tempatan)


[illegible]

Petunjuk:

Tempoh masa adalah tertakluk kepada pengurusan jabatan masing-masing.

Tempoh masa yang telah ditetapkan.

7 Perincian Jadual pelaksanaan mengikut aktiviti diasaskan kepada piagam pelanggan.



PERINGKAT 1 : MOBILISASI

Peringkat mobilisasi dimulakan dengan merangka program kerja dengan mengambilkira dan mendokumentasi kesemua keperluan perundangan dan keperluan perancangan. Pengumpulan data serta maklumat asas yang berkaitan dengan kawasan RT perlu dijalankan.

Peringkat mobilisasi melibatkan tiga (3) komponen utama iaitu;


- i. Penyediaan Kertas Cadangan;
- ii. Program Publisiti Awal; dan
- iii. Pelantikan Perunding (Jika perlu).

3.5.1 Penyediaan Kertas Cadangan

Kertas cadangan ini disediakan bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan JPN ke atas keperluan penyediaan RT Pengubahan. Perincian kandungan kertas cadangan ini sepertimana dalam **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2 : Kandungan Kertas Cadangan

Kandungan	Penerangan
Latar Belakang	i. Menerangkan profil kawasan kajian.
Asas Pertimbangan/ Justifikasi	i. Menerangkan asas pertimbangan/justifikasi keperluan RT Pengubahan berdasarkan kepada perkara-perkara berikut: • Perubahan dasar-dasar baru kerajaan dan potensi tapak untuk pembangunan masa hadapan; • Tekanan pembangunan yang mempengaruhi perubahan guna tanah yang ketara; • Penyediaan pelan pembangunan oleh sesuatu perbadanan yang memberi impak terhadap pembangunan akan datang; dan • Arahan PBN.
Skop dan Bidang Kajian	i. Mengkaji dan menilai pencapaian RT yang telah diwartakan berdasarkan kepada keadaan semasa pembangunan; ii. Menyemak dan meminda semula zon guna tanah RT berdasarkan keadaan semasa dan tekanan pembangunan semasa; iii. Menyemak dan membuat pindaan terhadap Jadual Kelas Penggunaan Tanah Dan Bangunan; iv. Membuat pindaan dan mengenalpasti kebolehlaksanaan zon guna tanah; v. Mengkaji dan menyelarar serta menyediakan satu (1) laporan <i>Site Specific</i> berkaitan cadangan kemudahan awam dan utiliti (sekiranya perlu); dan vi. Hasil kajian.
Pengurusan dan Kewangan	i. Struktur pengurusan kajian yang menerangkan JK yang akan menyelarar dan mengawal selia perjalanan kajian dari segi kemajuan pelaksanaan dan kualiti hasil serta meluluskan Draf RT; ii. Jadual pelaksanaan kajian mengikut perjalanan aktiviti-aktiviti utama yang dipersetujui oleh pelanggan; dan iii. Anggaran kos yang diperlukan mengikut pecahan perbelanjaan terperinci bagi penyediaan Draf RT.



3.5.2 Program Publisiti Awal


Publisiti Awal merupakan pendekatan yang bertujuan untuk membuat hebahan kepada orang awam mengenai Pengubahan RT. Kaedah bagi program publisiti awal boleh dilakukan melalui pelbagai cara seperti berikut:

- i. Sesi dialog;
- ii. Publisiti Awam Atas Talian (*Online Public Engagement*);
- iii. Hebahan-hebahan lain seperti media elektronik atau media masa;
- iv. Makluman kepada pemilik lot bersebelahan bagi perubahan lot;
- v. Kain rentang di lokasi-lokasi tumpuan; dan
- vi. Notis akhbar.

Untuk proses dan prosedur yang lebih terperinci, sila rujuk **Manual Publisiti dan Penyertaan Awam** edisi terkini.

3.5.3 Pelantikan Perunding (Jika perlu)

Penyediaan RT boleh dibuat secara bersama dengan perunding. Jika perlu, penglibatan perunding boleh dilaksanakan sepenuhnya atau pun mengikut keperluan kepakaran seperti **Lampiran II**.



PERINGKAT 2 : PENYEDIAAN DRAF RT PENGUBAHAN


3.5.4 Draf Rancangan Tempatan Pengubahan

Laporan Draf RT Pengubahan dipersembahkan dalam bentuk dokumen tambahan (*addendum*) pindaan yang menunjukkan perkara-perkara yang diubah bagi sesuatu kawasan rancangan tempatan.

Bentuk dan isi kandungan **Laporan Addendum Pengubahan** adalah seperti **Jadual 3.3**.

Jadual 3.3 : Bentuk dan Isi Kandungan

Kandungan	Penerangan
Pendahuluan	i. Latar belakang kawasan RT; ii. Keperluan perundangan dan proses penyediaan; dan iii. Ringkasan keadaan semasa dan penemuan.
Pernyataan Perkara Yang Diubah	i. Keperluan menyatakan perkara yang diubah dan justifikasi (Rujuk Jadual 3.4 dan Jadual 3.5).
Cadangan Pengubahan Dan Justifikasi	i. Pindaan Peta Cadangan Perincian cadangan guna tanah bagi kawasan RT terdahulu dan cadangan guna tanah pengubahan. Rujuk Rajah 3.3, Jadual 3.6 dan Jadual 3.7. ii. Pindaan Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan disediakan bagi memperincikan penggunaan tanah mengikut BPK. Rujuk Jadual 3.8.
Rajah Yang Menggantikan Rajah Dalam RT Asal	i. Keperluan menyatakan senarai rajah-rajah yang menggantikan rajah-rajah dalam RT Asal. Rujuk Rajah 3.4.



Jadual 3.4 : Contoh Pernyataan Perkara Yang Diubah (Keseluruhan)

Bil.	Blok Perancangan (BP)	Luas BP (Ekar)	Bil. Lot / Tapak Yang Dipinda	Luas Pindaan (Ekar)	Peratus Keluasan Pindaan (%)
1.	BP 1: Subang Jaya USJ	6268.00	11	40.61	0.65
2.	BP 2: Subang Hi-Tech	1995.76	5	88.82	4.45
3.	BP 3: Putra Height	271.10	1	81.18	2.48
4.	BP 4: Kinrara	4852.93	8	30.03	0.62
5.	BP 5: Puchong	7309.40	14	37.49	0.51
6.	BP 6: Bandar Putra Permai	11329.74	10	236.47	1.94
7.	BP 7: Seri Kembangan	4954.00	17	81.59	1.65
JUMLAH		39981.49	74	596.19	1.49

Sumber : RT Majlis Perbandaran Subang Jaya (Pengubahahan 1) 2020

Jadual 3.5 : Contoh Pernyataan Yang Diubah dan Justifikasi (terperinci)

BIL	MUKIM	BPK	KELUASAN (HEK/EKAR)	PEMILIK/ PEMAJU	GUNA TANAH DALAM RTMPSJ 2020	CADANGAN PINDAAN GUNA TANAH	JUSTIFIKASI	RUJUK RAJAH
1.	Damansara	1.1	72 ekar	Sime Darby Putra Heights Dev. Sdn. Bhd	Pindaan kelas kegunaan tanah untuk rekreasi (Taman Rekreasi Swasta, Subang Ria)		Digugurkan 19 ekar pembangunan perumahan dan perniagaan kepada tanah lapang & rekreasi. Mengekalkan 72 ekar rekreasi swasta Taman Subang Ria. Kegunaan tanah tertakluk kepada dasar Pihak Berkuasa Negeri.	Nil
2.	Damansara	1.1	9.43 ekar	Angkasa Indah Sdn. Bhd	Perniagaan & Perkhidmatan	Kediaman	Pengubahan daripada Perniagaan & Perkhidmatan kepada Kediaman adalah mengikut kelulusan Jawatankuasa OSC bil. 17/2010 bertarikh 7 September 2010.	8.1.5
3.	Damansara	1.1	1.45 ekar	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Pengangkutan (Rizab Jalan)	Perniagaan & Perkhidmatan	Pengubahan Rizab Jalan kepada Perniagaan & Perkhidmatan kerana tiada keperluan untuk rizab jalan. Tapak merupakan hak milik Majlis dan Syarat nyata adalah perniagaan.	8.1.6
4.	Damansara	1.1	9.42 ekar	PKNS	Tanah Lapang & Rekreasi	Kediaman	Pengubahan daripada Tanah Lapang & Rekreasi kepada kediaman kerana syarat nyata tanah adalah kediaman.	8.1.7
5.	Damansara	1.1	2.46 ekar	Taraf Permata (SS 13)	Industri	Perniagaan & Perkhidmatan	Pengubahan daripada industri kepada perniagaan & perkhidmatan adalah mengikut kelulusan Jawatankuasa OSC bil. 6/2011 bertarikh 21 Mac 2011.	8.1.8


Sumber : RT Majlis Perbandaran Subang Jaya (Pengubahan 1) 2020

Rajah 3.3: Contoh Pindaan Gunatanah RT Asal Dengan RT Pengubahan

DRAF RANCANGAN TEMPATAN


MAJLIS PERBANDARAN KLANG (PENGUBAHAN 1) 2020

Rajah 7.1.19 : Cadangan Pindaan Guna Tanah BP 1 – Kapar / Meru : Bil. 15



Guna Tanah RT Klang 2002-2015

Zoning: Perniagaan




Cadangan Guna Tanah Draf RT MPK (Pengubahan 1) 2020

Zoning: Pertanian

JUSTIFIKASI PINDAAN :

1. Diturar kepada pertanian selaras dengan gunatanah sekitar.


Sumber : Draf RT Majlis Perbandaran Klang (Pengubahan 1) 2020



Jadual 3.6 : Contoh bagi Pindaan Jadual, Rajah dan Pernyataan Bertulis Yang Menggantikan RT Asal

BIL	PERKARA	MUKA SURAT RT WARTA	MUKA SURAT RT PENGUBAHAN	PERNYATAAN RT WARTA	PERNYATAAN RT PENGUBAHAN	JUSTIFIKASI
1	Jadual 3.4 Jadual Kelas Penggunaan Tanah Bagi BPK 3.2	3-20	3-20A	Rujuk RT asal m/s 3-20	Rujuk m/s 3-2	Penambahan aktiviti yang dibenarkan dengan syarat. Untuk memantapkan fungsi kawasan tersebut sebagai konurbasi pembangunan.
2	Perkara 5.2.3 para 2 (ii)	5-6	5-6A	Kawasan pertanian berjumlah 250 hektar dikhususkan untuk pertanian pengeluaran makanan.	Kawasan pertanian berjumlah 190 hektar dikhususkan untuk pertanian pengeluaran makanan.	Selaras dengan perubahan zon guna tanah pada perkara 2 Jadual 2.1.

Sumber : Pasukan Kajian, 2013



Jadual 3.7 : Contoh bagi Pindaan Peta Cadangan Yang Menggantikan RT Asal

BIL	PERKARA	MUKA SURAT RT WARTA	MUKA SURAT RT PENGUBAHAN	NO.LOT/ MUKIM	KELUASAN	BPK	ZON GUNA TANAH RT WARTA	ZON GUNA TANAH RT PENGUBAHAN	JUSTIFIKASI
1	Rajah 2.1 Peta Cadangan Blok Perancangan 2	2-5	2-5A	336/ Mukim Sedili	4.2 Hektar	2.3	Pertanian	Kediaman	Tanah tersebut telah mematuhi syarat nyata tanah sebagai bangunan.
2	Rajah 5.5 Peta Cadangan Blok Perancangan 5	5-5	5-5A	292/ Mukim Air Batu	60 Hektar	5.2	Pertanian	Industri	Selaras dengan dasar kerajaan negeri untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai hub pembangunan industri berasaskan kayu.

CONTOH

Sumber : Pasukan Kajian, 2013

Jadual 3.8 : Contoh Pindaan Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan


BPK 3.4 – SUNGAI BATU

KOLUM I		KOLUM II	KOLUM III		KOLUM IV	KOLUM V
Blok Perancangan Kecil (BPK)	Jenis Guna Tanah Utama	Aktiviti Yang Dibenarkan	Aktiviti Yang Di Dibenarkan Dengan Syarat	Syarat	Aktiviti Tidak Dibenarkan	Catatan
	Kediaman	Kediaman	Aktiviti			
BPK 3.4	Kediaman	Perdagangan	Kediaman - Rumah Sesebuah - Rumah Berkembar - Rumah Teres	Mengikut Keperluan Piawaian Perancangan Dan Garis Panduan Kawalan Pembangunan Yang Disediakan Oleh Majlis Perbandaran Manjung.	Sebarang Aktiviti Kecuali di Kolum III dan IV	Mengikut Keperluan Perancangan dan Garis Panduan Kawalan Pembangunan.
			Perdagangan - Rumah Kedai - Kedai Pejabat - Kompleks Perniagaan - Gerai / Pusat Penjaja - Pasar			
			Perikanan - Jeti Pendaratan - Tempat penyimpanan bot - Pusat Pengumpulan hasil tangkapan laut			
			Pelancongan - Pusat Warisan - Perkampungan Nelayan - Pusat Makanan Laut - Aktiviti Agro-Lancang - Home Stay			
			Perindustrian - Pusat Komoditi Pertanian - Pusat Komoditi Ternakan - Pemprosesan Hasil Laut - Pemprosesan Hasil Pertanian - Pemprosesan Hasil Ternakan - Industri Kecil dan Sederhana			
			Kemudahan awam - Rumah ibadat Islam - Rumah ibadat bukan Islam - Dewan - Mini Kompleks Sukan - Sekolah - Klinik kesihatan dan lain-lain			

Petunjuk : Tulisan berwarna **biru** adalah cadangan kelas gunatanah yang ditambah.

Sumber : RT Daerah Manjung 2020 (Penggubahan)


Rajah 3.4 : Contoh Rajah Yang Menggantikan Rajah RT Asal



Sumber : RT Majlis Perbandaran Subang Jaya 2020 (Pengubahan 1)

3.5.5 PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM

Keperluan mengadakan publisiti dan penyertaan awam selaras dengan peruntukan subseksyen 13(1) Akta 172 untuk mendapatkan pandangan, maklumbalas, bantahan dan rayuan daripada pihak–pihak berkepentingan. Ringkasan Publisiti Dan Penyertaan Awam dapat dilihat sepertimana di dalam **Jadual 3.9**.



Jadual 3.9 : Publisiti Dan Penyertaan Awam - Penyediaan Kertas Kerja/ Laporan Yang Diperlukan

Peringkat Publisiti	Kaedah	Kertas Kerja	Laporan
Publisiti Awal	i. Sesi dialog; ii. Publisiti Awam Atas Talian (<i>Online Public Engagement</i>); iii. Hebahan-hebahan lain seperti media elektronik atau media masa; iv. Makluman kepada pemilik lot bersebelahan bagi perubahan lot; v. Kain rentang di lokasi-lokasi tumpuan; dan vi. Notis akhbar. Sila pilih kaedah yang mana bersesuaian.	Kertas Kerja Publisiti Awal	Laporan Publisiti Awal
Publisiti Draf RT	i. Notis Akhbar : 3 keluaran dalam 2 akhbar tempatan dan salah satu dalam bahasa kebangsaan (Rujuk Lampiran V dan VI); dan ii. Salinan Laporan Draf RT untuk pemeriksaan.	Kertas Kerja Publisiti dan Penyertaan Awam untuk kelulusan JPN	a) Laporan Publisiti Dan Representasi; b) Laporan JK Siasatan Tempatan Dan Pendengaran Awam (Sekiranya ada bantahan); dan c) Draf RT Pengubahan (Laporan <i>Addendum</i> Pengubahan untuk persetujuan PBN).
Pelanjutan Tempoh Publisiti Draf RT	i. Tempoh lanjutan publisiti Draf RT tidak melebihi 4 minggu; dan ii. Hanya boleh dilanjutkan 1 kali sahaja	Kertas Kerja Berkaitan	
Publisiti Pewartaan	i. Siaran melalui Warta Negeri; dan ii. Notis Akhbar : Sekurang-kurangnya 1 keluaran dalam 2 akhbar tempatan dan salah satu dalam bahasa kebangsaan (Rujuk Lampiran X dan IX).	Kertas Kerja Berkaitan	Rancangan Tempatan Pengubahan (Laporan <i>Addendum</i> Pengubahan)


3.6 HASIL KAJIAN

Tujuh (7) laporan yang perlu dihasilkan dalam proses penyediaan Draf RT berdasarkan keperluan semasa kajian. Laporan-laporan yang dihasilkan adalah seperti berikut: ialah:


- i. Kertas Cadangan;
- ii. Laporan Publisiti Awal;
- iii. Draf Rancangan Tempatan Pengubahan;
- iv. Laporan Publisiti dan Representasi;
- v. Laporan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam (Jika ada bantahan);
- vi. Draf RT Pengubahan (Laporan Addendum Pengubahan); dan
- vii. Laporan Addendum Pengubahan.

3.7 RINGKASAN PENYEDIAAN

Ringkasan proses penyediaan RT Pengubahan sepertimana **Rajah 3.5**




Rajah 3.5 : Ringkasan Proses Penyediaan RT Pengubahan



Bahagian 4

**PEWARTAAN , PEMBATALAN &
KAWALAN DOKUMEN**



BAHAGIAN 4.0

PEWARTAAN, PEMBATALAN DAN KAWALAN DOKUMEN

- 4.1 *Kelulusan Draf RT*
- 4.2 *Persetujuan PBN*
- 4.3 *Pewartaan Draf RT*
- 4.4 *Pembatalan RT*
- 4.5 *Kawalan Dokumen*


4.1 KELULUSAN DRAF RT

PBPT mengemukakan laporan Draf RT yang telah dipublisiti atau laporan Draf RT yang telah dipinda kepada JPN bersama Laporan Publisiti dan Representasi (Jika tiada bantahan) atau Laporan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam untuk kelulusan sama ada :

- i. Kelulusan tanpa pindaan;
- ii. Kelulusan dengan pindaan; dan
- iii. Tidak meluluskan.


4.2 PERSETUJUAN PBN

Draf RT yang telah diluluskan di peringkat JPN iaitu setelah dilakukan pindaan sebagaimana yang diputuskan oleh JPN perlu diserahkan kepada PBN untuk persetujuan. Draf RT yang telah dipersetujui di peringkat PBN (melalui mesyuarat MMKN) adalah RT yang berkuat kuasa dan diterimapakai. Selepas Rancangan Tempatan itu berkuat kuasa, dokumen rancangan tempatan tersebut tidak boleh dipinda.



4.3 PEWARTAAN DRAF RT

- i. PBPT bertanggungjawab membuat hebahan pewartaan dalam akhbar;
- ii. PBPT bertanggungjawab mengemukakan Surat Permohonan Notis Siar Warta Negeri kepada PUU Negeri/Setiausaha Dewan dan mengeluarkan Notis Akhbar mengikut subseksyen 15(4);
- iii. Dokumen RT yang berkuat kuasa adalah merujuk kepada dokumen yang telah dipersetujui oleh MMKN (Subseksyen 15(1C));
- iv. Tarikh fakta persetujuan PBN perlu disiarkan dalam Warta Negeri iaitu tarikh persetujuan ke atas Draf RT oleh MMKN;
- v. Tarikh persetujuan PBN terhadap dokumen RT ini juga perlu disiarkan di dalam 2 akhbar tempatan. Satu daripada akhbar tersebut hendaklah berbahasa kebangsaan;
- vi. Notis Pemberitahuan Warta Negeri perlu ditandatangani oleh 2 pihak mengikut ketetapan berikut :
 - YDP/ Datuk Bandar PBT dan Setiausaha MMKN atau;
 - YDP/Datuk Bandar PBT dan Setiausaha MMKN dan Pengarah JPBD Negeri jika RT melibatkan Pengarah Negeri sebagai PBPT- subseksyen 15(2); dan
- vii. Keperluan mengisytiharkan dalam Warta Negeri sekiranya RT mengatasi/berbeza dengan RS sedia ada (berkaitan dengan peruntukan yang berkenaan itu) mengikut subseksyen 15(5) dan subseksyen 15(6).




4.4 PEMBATALAN RT

4.4.1 RT Penggantian

- i. RT baru (yang menggantikan RT asal) hendaklah diwartakan dan dinyatakan dalam pemberitahuan warta baru pembatalan pewartaan RT asal. Rujuk **Lampiran VIII** Bagi Contoh Format Notis Warta RT Penggantian dan Pembatalan RT Asal ; atau
- ii. Pembatalan RT dibuat secara bersendirian sekiranya pembatalan RT asal tidak dibuat semasa pewartaan RT baru. Rujuk **Lampiran IX** Bagi Contoh Format Notis Pembatalan RT Asal (Sekiranya Tidak Dibatalkan Semasa Pewartaan RT Penggantian).

4.4.2 RT Pengubahan

- i. Laporan RT asal kekal, hanya batal bahagian yang terlibat dengan pengubahan-pengubahan zoning guna tanah, Jadual Kelas Penggunaan Tanah dan Bangunan yang terlibat dengan pindaan;
- ii. Bahagian yang terlibat dengan pengubahan disediakan dan diwartakan secara laporan addendum untuk persetujuan MMKN dan diwartakan;
- iii. Pewartaan RT pengubahan hendaklah mengandungi tajuk rancangan tempatan pengubahan dan **TIDAK PERLU MENYATAKAN PEMBATALAN NOTIS WARTA RT ASAL**. Pewartaan hanya dibuat terhadap perkara yang terlibat dalam pengubahan sahaja dan secara automatik menggantikan bahagian RT asal yang telah dipinda; dan
- iv. Rujuk **Lampiran X** untuk Contoh Format Notis Warta RT Pengubahan.



4.5 KAWALAN DOKUMEN

Bagi memastikan semua peringkat penyediaan, publisiti dan pewartaan Draf Rancangan Tempatan melalui proses yang telus dan berkesan, dokumen draf RT perlu melalui tiga perkara iaitu:

- i. Cop pengesahan dokumen kawalan Draf RT;
- ii. Penyerahan dokumen kawalan Draf RT kepada agensi untuk simpanan; dan
- iii. Edaran salinan RT kepada agensi teknikal berkaitan.

Untuk proses dan prosedur yang lebih terperinci, sila rujuk **Manual Publisiti dan Penyertaan Awam** edisi terkini.

4.5.1 Cop Pengesahan Dokumen Kawalan Draf RT

Dokumen Draf RT yang melalui proses kelulusan akan dicop sebagai dokumen kawalan untuk tujuan kesahihan kandungan dokumen tersebut. Terdapat dua dokumen yang akan melalui cop pengesahan dokumen kawalan Draf RT sepertimana di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1 : Cop Pengesahan Dokumen Kawalan RT

Peringkat	Untuk Publisiti Draf RT		Untuk Kelulusan Draf RT	
	Dokumen A	Dokumen A+	Dokumen B	Dokumen B+
Tujuan Dokumen	Sebelum Publisiti	Untuk Publisiti	Untuk kelulusan Majlis Penuh dan JPN	Untuk Kelulusan MMK
Status Dokumen	-	Selepas Pembaikan (Majlis Penuh/JK Khas/JPN)	Selepas Pembaikan (JSTPA) atau sebelum pembaikan	Selepas Pembaikan (JPN)
Cop Pengesahan Dokumen Kawalan	Majlis Penuh JK Khas di bawah JPN/JPN	Setiausaha Majlis	Majlis Penuh JPN	MMKN

Rajah 4.1 hingga 4.8 merupakan contoh cop pengesahan yang akan digunakan.



Rajah 4.1 : Contoh Cop Kelulusan Draf RT daripada Majlis Penuh (untuk tujuan Publisiti) - cop pertama di atas DOKUMEN A

Draf Rancangan Tempatan ini telah dibentangkan kepada Mesyuarat Majlis Penuh Majlis _____
Bil. _____ bertarikh _____. Butiran kelulusan perlu merujuk kepada minit mesyuarat berkenaan.

Disahkan oleh :

(NAMA)
Setiausaha Majlis Penuh
Majlis _____
Tarikh : _____

COP RASMI
MAJLIS

Rajah 4.2 : Contoh Cop Kelulusan Draf RT daripada JK Khas / JPN (untuk tujuan Publisiti) - cop kedua di atas DOKUMEN A

Draf Rancangan Tempatan ini telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Khas / Jawatankuasa Perancang Negeri _____ Bil. _____
bertarikh _____. Butiran kelulusan perlu merujuk kepada minit mesyuarat berkenaan.

Disahkan oleh :

(NAMA)
Setiausaha JPN
Tarikh : _____

COP RASMI
JPN / JPBD
Negeri

Rajah 4.3 : Contoh Cop Pengesahan Pembaikan Draf RT (Untuk Tujuan Publisiti) - Cop Pertama Di Atas DOKUMEN A+

Draf Rancangan Tempatan ini telah dipinda berdasarkan pertimbangan mesyuarat Majlis Penuh Bil_____ dan Mesyuarat Jawatankuasa Khas / Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. _____. Draf Rancangan Tempatan ini telah mendapat kelulusan Majlis Penuh sepertimana diperuntukkan di bawah Subseksyen 13(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Disahkan oleh :

(NAMA)
Setiausaha Majlis Penuh
Majlis _____

COP RASMI
MAJLIS

Rajah 4.4 : Contoh Cop Pengesahan Pindaan Draf RT Berdasarkan Syor JSTPA (untuk Kelulusan Draf RT) - Cop Pertama Di Atas DOKUMEN B⁸

Draf Rancangan Tempatan ini telah dipinda berdasarkan syor Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran yang telah bersidang pada _____. Butiran pindaan perlu merujuk kepada Laporan Keputusan JSTPA berkenaan.

Disahkan oleh :

(NAMA)
Setiausaha JPN
Tarikh : _____

COP RASMI
JPN / JPBD
Negeri

⁸ Cop pengesahan pindaan tidak perlu diwujudkan jika urusetia membuat pembaikan Draf RT selepas mesyuarat JPN atau tidak terdapat sebarang bantahan atau cadangan diperingkat publiisiti.



Rajah 4.5 : Contoh Cop Kelulusan Draf RT Daripada Majlis Penuh (Untuk Kelulusan Draf RT) - Cop Kedua Di Atas DOKUMEN B

Draf Rancangan Tempatan ini telah dibentangkan kepada Majlis Penuh Majlis _____ Bil. _____ bertarikh _____
Butiran kelulusan perlu merujuk kepada minit mesyuarat berkenaan.

Disahkan oleh :

(NAMA)
Setiausaha Majlis Penuh
Majlis _____
Tarikh : _____

COP RASMI
MAJLIS

Rajah 4.6 : Contoh Cop Kelulusan Draf RT Daripada JPN (untuk Kelulusan Draf RT) - Cop Ketiga Di Atas DOKUMEN B

Draf Rancangan Tempatan ini telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri _____ Bil. _____ bertarikh _____
Butiran kelulusan perlu merujuk kepada minit mesyuarat berkenaan.

Disahkan oleh :

(NAMA)
Setiausaha JPN
Tarikh : _____

COP RASMI
JPN / JPBD
Negeri

Rajah 4.7 : Contoh Cop Pengesahan Pindaan Draf RT Berdasarkan Keputusan Majlis Penuh dan JPN (untuk Kelulusan Draf RT) - Cop Pertama Di Atas DOKUMEN B+

Draf Rancangan Tempatan ini telah dipinda berdasarkan pertimbangan mesyuarat Majlis Penuh Bil. _____ dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. _____. Draf Rancangan Tempatan ini telah mendapat kelulusan jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan sepertimana diperuntukkan di bawah Subseksyen 15(1) dan Subseksyen 15(1A) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Disahkan oleh : _____

(NAMA)
Setiausaha JPN

Tarikh : _____

COP RASMI
JPN / JPBD
Negeri

Rajah 4.8 : Contoh Cop Pengesahan Persetujuan Draf RT daripada MMKN - Cop Kedua Di Atas DOKUMEN B+


Draf Rancangan Tempatan ini telah dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri _____ Bil. _____ bertarikh _____ sepertimana diperuntukkan di bawah Subseksyen 15(1C) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Disahkan oleh : _____

(NAMA)
Setiausaha MMKN

Tarikh : _____

COP RASMI
MMKN/Negeri




4.5.2 Penyerahan Dokumen Kawalan Draf RT kepada Agensi Untuk Simpanan

Bagi tujuan kawalan dan jaminan kesahihan kandungan dokumen RT yang telah melalui proses publisiti dan kelulusan, dokumen ini perlu diserahkan kepada agensi-agensi berikut untuk simpanan seperti **Jadual 4.2**, iaitu:

Jadual 4.2 : Senarai agensi yang memegang/menyimpan dokumen kawalan (1 salinan asal untuk setiap agensi)

No Siri Laporan	Agensi
1	Pihak Berkuasa Tempatan
2	JPBD Negeri
3	Bahagian Rancangan Pembangunan, JPBD SM
4	Pegawai Undang-Undang Negeri
5	Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri



4.5.3 Edaran Salinan RT kepada agensi teknikal berkaitan


Setelah notis pewartaan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri disiarkan, dokumen RT perlu disediakan. Bagi memastikan semua pihak mempunyai akses kepada dokumen RT ini bagi tujuan kawalan dan pelaksanaan, salinan-salinan RT ini perlu dibuat edaran. Senarai edaran adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3 : Senarai Edaran Salinan Rancangan Tempatan

Bil.	Agensi
1	Pejabat Menteri Besar / Ketua Menteri
2	Unit Perancang Ekonomi Negeri
3	Unit Penyelaran Perlaksanaan (ICU)
4	Pihak Berkuasa Perancangan Koridor
5	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri
6	Semua jabatan/bahagian di Pihak Berkuasa Tempatan
7	Semua bahagian di JPBD Negeri
8	Bahagian Korporat, Unit Penyelarasan Projek, Bahagian Rancangan Pembangunan dan Perpustakaan JPBD SM
9	Semua jabatan/agensi teknikal negeri
10	Semua jabatan/agensi teknikal daerah
11	Perpustakaan Negara Malaysia (dengan No. Siri ISBN)

Bahagian 5

PENUTUP



BAHAGIAN 5.0

PENUTUP

Manual Rancangan Tempatan Edisi 2013 (Rancangan Tempatan Penggantian dan Rancangan Tempatan Pengubahan) ini disediakan sebagai satu mekanisme rujukan dan panduan pihak-pihak yang terlibat dalam penyediaan RT terutama bagi pelaksanaan RT Penggantian dan RT Pengubahan. Secara keseluruhannya, manual ini menekankan aspek-aspek perundangan berdasarkan keperluan dan peruntukkan Akta 172 serta memperincikan proses dan kandungan RT yang lebih ringkas dan padat. Adalah diharapkan Manual ini dapat membantu semua pihak yang terlibat dalam penyediaan RT bagi menghasilkan RT yang seragam dan berkualiti.

Bahagian 6

LAMPIRAN


LAMPIRAN I

PERINCIAN SKOP DAN BIDANG KAJIAN⁹

PERSPEKTIF MAKRO

Data	Analisis	Hasil
▪ Dasar Pembangunan : ➢ Wilayah; ➢ Negeri; ➢ Daerah; ▪ Dasar Pembangunan Wilayah yang berkaitan dan yang bersempadan; ▪ Dasar pembangunan daerah bersempadan; ▪ Program pembangunan daerah, negeri dan wilayah berkaitan dan bersempadan; ▪ Perhubungan antara wilayah, negeri dan daerah dari segi : ➢ Sistem pengangkutan sedia ada, komited dan yang telah dirancang; ➢ Projek-projek ekonomi; dan ▪ Profil pembangunan ekonomi negeri serta profil sektor utama daerah.	▪ Analisis dan terjemah dasar pembangunan wilayah, negeri dan daerah; ▪ Analisis dan terjemah cadangan-cadangan dan komitmen pembangunan utama negeri dan daerah yang dijangka akan mempengaruhi pertumbuhan daerah; ▪ Analisis dan terjemah pembangunan spatial (ruang) dari aspek agihan penduduk, aktiviti ekonomi, kemudahan sosial dan pembangunan petempatan dalam kawasan RT; dan ▪ Analisis dan terjemah peranan kawasan RT di peringkat negeri dan wilayah.	▪ Pelan pembangunan wilayah semasa mengandungi koridor pembangunan, guna tanah, hubungan jalan raya, hierarki petempatan dan perhubungan (lapangan terbang dsb); ▪ Cadangan pembangunan kawasan RT dan arah tuju pembangunan spatial daerah; ▪ Pelan rangka kerja pembangunan kawasan RT dan negeri; dan ▪ Rumusan rundingan dengan semua PBPT bersebelahan/berjiran mengenai isu-isu pembangunan sempadan.
▪ Kawasan koridor pembangunan seperti : ➢ Koridor pembangunan perindustrian; ➢ Zon pemeliharaan sumber negeri / negara termasuk hutan simpan, kawasan tadahan air, <i>geological/mineral deposit</i> dan warisan sejarah; ➢ Projek-projek usahasama sempadan; dan ➢ Kesenambungan rangkaian pengangkutan antara daerah.	▪ Menterjemah dasar-dasar spatial RFN dan RS yang berkaitan dengan daerah.	▪ Kawasan sumber; ▪ Sambungan rangkaian pengangkutan; dan ▪ Hierarki petempatan daerah.

⁹ Skop dan Bidang kajian perlu disesuaikan dengan konteks dan keperluan kajian.




SOSIO EKONOMI (MENGIKUT STATISTIK UTAMA JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA)

Data	Indikator	Hasil
Iklim / Cuaca	- Indeks Pencemaran Udara (IPU)/ Indeks Kualiti Udara; dan - Hujan/ Kelembapan.	- Pelan Kawasan Bermasalah - Cadangan awal untuk tindakan dan kawalan alam sekitar.
Penduduk	- Pertambahan Semulajadi; - Kelahiran Hidup ; - Kadar Kematian Jangkaan Hayat; dan - Kepadatan Penduduk.	- Anggaran saiz dan isirumah dalam tempoh perancangan; - Cadangan awal untuk taburan dan kepadatan penduduk di daerah dalam tempoh perancangan.
Guna Tenaga	- Umur bekerja; - Tenaga Buruh; - Bekerja; dan - Menganggur.	Kadar penyertaan tenaga buruh.
Keluaran Dalam negeri Kasar (KDNK) Negeri	- KDNK pada Harga Malar - Supra State	% Kadar pertumbuhan KDNK.
- Perindustrian ➤ Pembuatan ➤ Pembinaan ➤ Perlombongan	- Pembuatan - Jumlah pekerja - Gaji dan upah yang dibayar - Nilai Harta - Nilai Output Kasar - Input perantaraan - Nilai ditambah	- Perangkaan utama industri mengikut negeri / daerah. - Bilangan pekerja
- Perkhidmatan ➤ Kesihatan ➤ Pendidikan ➤ Profesional ➤ Pengangkutan ➤ Penginapan ➤ Komputer	- Jumlah pekerja - Gaji dan upah yang dibayar - Nilai Output Kasar - Kos Input - Nilai ditambah banci	- Perangkaan perkhidmatan utama mengikut negeri / daerah. - Bilangan pekerja

CIRI-CIRI FIZIKAL DAN GUNA TANAH

Data	Analisis	Hasil
▪ Keadaan Fizikal : ➢ Topografi ➢ Geologi ➢ Tanah-tanah ➢ Hidrologi	▪ Analisis topografi berasaskan kelas-kelas ketinggian. ▪ Analisis kecerunan. ▪ Potensi dan halangan pembangunan.	▪ Pelan topografi ▪ Peta kecerunan ▪ Peta potensi dan halangan pembangunan.
▪ Guna tanah semasa kawasan kajian : ➢ Kediaman ➢ Perniagaan ➢ Perindustrian ➢ Pertanian ➢ Institusi ➢ Utiliti ➢ Kawasan lapang dan rekreasi ➢ Tanah kosong ➢ Pengangkutan ➢ Hutan ➢ Badan air ➢ Kawasan kegunaan Khas (<i>commercial recreation-theme park, golf course</i> dll)	▪ Analisis klasifikasi mengikut jenis guna tanah : ➢ Luas ➢ Lokasi ➢ Jenis ➢ Agihan ➢ Corak	▪ Pelan taburan guna tanah utama termasuk yang komited dan kawasan bersempadan (termasuk skala ditetapkan). ▪ Pelan guna tanah semasa : ➢ Keseluruhan ➢ BP ▪ Pelan arah perkembangan
▪ Hak milik tanah	▪ Bilangan ▪ Keluasan ▪ Lokasi ▪ Syarat Nyata Tanah ▪ Status Tanah (Tanah Rizab Melayu, Tanah Adat dan Tanah Wakaf).	▪ Pelan hak milik tanah mengikut dua (2) kategori utama iaitu persendirian dan kerajaan. ▪ Pelan Syarat Nyata Tanah ▪ Pelan Status Tanah
▪ Pembangunan yang ditetapkan dan telah dirancang.	▪ Jenis ▪ Agihan ▪ Corak ▪ Lokasi ▪ Luas	▪ Pelan pembangunan yang telah ditetapkan (termasuk kawasan bersempadan).
▪ Kawasan Tekanan Pembangunan "<i>Pressure Area Development</i>"	▪ <i>Planning Enquiry</i> ▪ KM yang telah ditolak. ▪ KM yang telah diluluskan.	▪ Pelan kawasan tekanan pembangunan.




PERNIAGAAN

Data	Analisis	Hasil
▪ Bilangan pertumbuhan perniagaan mengikut lokasi, jenis perniagaan dan hal milik mengikut BP. ▪ Hak milik permis perniagaan mengikut etnik dan jumlah ruang lantai mengikut jenis perniagaan mengikut BP. ▪ Bilangan penaja/gerai/peniaga kecil (tidak formal) mengikut lokasi, jenis dan hak milik mengikut BP. ▪ Penglibatan Bumiputera dalam sektor perniagaan mengikut BP.	▪ Analisis penawaran ruang lantai, jenis perniagaan dan lokasi berbanding dengan permintaan semasa. ▪ Analisis tren, taburan dan corak aktiviti perniagaan masa kini dan masa hadapan dan potensi perkembangan ruang niaga masa hadapan. ▪ Analisis isu, masalah dan prospek perniagaan sektor formal dan tidak formal. ▪ Analisis penglibatan Bumiputera dalam sektor perniagaan. ▪ Mengunjurkan keperluan ruang lantai/jumlah unit perniagaan dan keperluan tanah berdasarkan kepada unjuran penduduk dan fungsi bandar/pekan.	▪ Pelan taburan pertumbuhan perniagaan formal dan tidak formal. ▪ Pelan tekanan pembangunan perniagaan yang komited ▪ Unjuran keperluan ruang lantai/jumlah unit perniagaan mengikut selang 5 tahun. ▪ Unjuran penglibatan Bumiputera dalam sektor perniagaan. ▪ Jadual keperluan ruang lantai perniagaan dan tanah/tapak masa hadapan mengikut lokasi. ▪ Pelan menunjukkan kawasan cadangan untuk perniagaan.

REKA BENTUK BANDAR

Data	Analisis	Hasil
▪ Pusat petempatan utama: ➢ Kualiti pandangan jauh (dari arah pintu masuk) ➢ Elemen reka bentuk bandar dan identiti bandar ➢ Sistem sirkulasi ➢ Ciri-ciri seni bina/seni reka bangunan (aspek pemuliharaan dan pemeliharaan) ➢ Kawasan sivik ▪ Garis panduan piawaian semasa. ▪ Reka bentuk pembangunan (<i>urban form</i>) pusat petempatan utama. ▪ Inventori bangunan dan kawasan bersejarah.	▪ Analisis tren pembangunan pusat-pusat petempatan/pertumbuhan semasa dan akan datang. ▪ Analisis jaringan pusat-pusat petempatan/pertumbuhan dengan petempatan luar bandar/kampung. ▪ Analisis pertumbuhan/pembangunan pusat petempatan utama di segi kualiti pandangan jauh, elemen reka bentuk dan identiti bandar, sistem sirkulasi dan ciri-ciri bangunan. ▪ Ulasan garis panduan.	▪ Cadangan aspek pemuliharaan/ pemeliharaan. ▪ Cadangan pembangunan pusat petempatan. ▪ Cadangan keutamaan projek. ▪ Cadangan garis panduan. ▪ Pelan reka bentuk pusat petempatan utama.



KEMUDAHAN REKREASI DAN LANDSKAP

Data	Analisis	Hasil
▪ Rekreasi/kawasan lapang mengikut BP : ➢ Keadaan semasa ➢ Projek-projek yang ditetapkan ➢ Senarai kawasan rekreasi yang telah/belum diwartakan	▪ Hierarki. ▪ Bilangan. ▪ Lokasi. ▪ Keluasan. ▪ Taburan. ▪ Permintaan berbanding penawaran. ▪ Kesesuaian perletakan. ▪ Unjuran keperluan rekreasi.	▪ Pelan taburan kawasan rekreasi sedia ada. ▪ Unjuran keperluan rekreasi. ▪ Cadangan rekreasi baru. ▪ Cadangan pembaikan/pemeliharaan. ▪ Cadangan pewartaan kawasan rekreasi yang sesuai.
▪ Landskap mengikut BP : ➢ Keadaan landskap semasa (mengikut guna tanah) ➢ Projek-projek yang ditetapkan dan dirancang ➢ Jenis landskap kejur dan lembut ➢ Kawasan-kawasan yang tertakluk kepada <i>tree preservation order</i>.	▪ Lokasi. ▪ Jenis. ▪ Taburan. ▪ Kesesuaian landskap mengikut fungsi	▪ Projek landskap semasa mengikut : ➢ BP ➢ Bandar/pekan ▪ Pelan cadangan landskap BP dan bandar. ▪ Cadangan peningkatan landskap kawasan bandar/pekan. ▪ Cadangan kawasan untuk pemeliharaan pokok di bawah <i>tree preservation order</i>.



PERUMAHAN

Data	Analisis	Hasil
▪ Jumlah taburan perumahan mengikut BP : ➢ Kos tinggi ➢ Kos sederhana ➢ Kos rendah ▪ Bilangan kawasan perkampungan, setinggan dan kawasan perumahan tidak terancang mengikut BP. ▪ Kawasan perumahan yang mempunyai nilai sejarah dan unsur-unsur tradisional serta bernilai mengikut BP. ▪ Jumlah taburan pembangunan perumahan komited mengikut BP dan tahun kelulusan diperolehi. ▪ Kawasan perumahan <i>Gated and Guarded Community</i>.	▪ Analisis penawaran dan permintaan bekalan rumah semasa mengikut kategori. ▪ Analisis tren dan arah perkembangan perumahan. ▪ Analisis jangkaan keperluan tanah untuk perumahan. ▪ Analisis kawasan perumahan yang bermasalah seperti setinggan, pencemaran alam sekitar dan lain-lain. ▪ Analisis penilaian terhadap kawasan perumahan yang mempunyai nilai sejarah dan unsur-unsur tradisional.	▪ Pelan dan taburan perumahan mengikut BP bagi tempoh perancangan masa hadapan. ▪ Unjuran keperluan perumahan di kawasan RT mengikut bandar, pusat petempatan desa dan luar bandar. ▪ Pelan kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan atau dikekalkan, kawasan pembangunan semula dan kawasan perumahan yang bermasalah seperti setinggan, pencemaran alam sekitar dan lain-lain. ▪ Cadangan menangani lebihan penawaran perumahan di kawasan <i>Greenfield</i> di kawasan metropolitan dan bandar-bandar utama. ▪ Cadangan langkah-langkah sesuai bagi meningkatkan penawaran perumahan. ▪ Bagi kawasan metropolitan cadangan projek-projek harta yang telah <i>lapse</i> tempoh kelulusan perancangan. ▪ Pelan cadangan kepadatan pembangunan perumahan.

KEMUDAHAN MASYARAKAT

Data	Analisis	Hasil
- Inventori kemudahan masyarakat berdasarkan kepada lokasi, bilangan, jenis keluasan tapak dan hierarkinya mengikut BP. - Kemudahan masyarakat meliputi : - Pendidikan - Kesihatan - Pos - Polis - Bomba - Tempat ibadat - Kubur - Perpustakaan - Dewan masyarakat/dewan serba guna - Institusi kerajaan - Pusat IT Awam - Kawasan tadahan bagi kemudahan masyarakat. - Maklumat Pusat Transformasi Bandar (<i>UTC</i>) - Senarai projek komited. - Garis panduan/piawaian semasa.	- Analisis taburan kemudahan sedia ada mengikut hierarki petempatan, bilangan, jenis, keluasan tapak dan keadaan fizikal. - Analisis ke atas bilangan kemudahan sedia ada berdasarkan kepada piawaian yang diguna pakai (permintaan berbanding – penawaran). - Mengenal pasti isu, masalah dan prospek penyediaan kemudahan masyarakat. - Membuat unjuran keperluan kemudahan awam. - Kesesuaian garis panduan.	- Pelan taburan kemudahan sedia ada mengikut lokasi. - Pelan taburan kemudahan yang perlu dibesarkan, dibaiki atau ditempatkan semula mengikut lokasi. - Pelan taburan projek yang komited dan di peringkat cadangan mengikut lokasi. - Jadual unjuran kemudahan mengikut jenis, bilangan, keluasan tapak dan lokasi berdasarkan unjuran penduduk termasuk golongan kurang upaya. - Cadangan garis panduan pembangunan kemudahan masyarakat.

PEMBANGUNAN PETEMPATAN DESA

Data	Analisis	Hasil
- Maklumat pusat-pusat petempatan terpilih dari segi lokasi, guna tanah sedia ada dan keadaan fizikal seperti petempatan <i>FELDA</i>, kampung baru, petempatan orang asli dan kampung tradisi mengikut BP. - Maklumat lokasi, bilangan dan jenis kemudahan infrastruktur dan masyarakat di kawasan pusat petempatan terpilih mengikut BP. - Maklumat sosio-ekonomi di kawasan pusat petempatan terpilih mengikut BP. - Maklumat Pusat Transformasi Luar Bandar (<i>RTC</i>)	- Analisis tahap penyediaan kemudahan infrastruktur dan masyarakat. - Analisis taburan guna tanah dan keadaan fizikal kawasan petempatan. - Analisis tahap sosio-ekonomi penduduk kawasan petempatan.	- Pelan konsep pembangunan pusat petempatan terpilih. - Cadangan garis panduan pembangunan petempatan desa.

PERINDUSTRIAN


Data	Analisis	Hasil
- Stok industri sedia ada mengikut BP: - Lokasi - Jenis - Saiz - Pemilikan - Bilangan tenaga kerja mengikut BP : - Jenis industri - Kawasan industri - Kumpulan etnik - Kategori pekerjaan - Bilangan industri tanpa lesen/haram mengikut jenis dan lokasi mengikut BP - Bilangan industri yang menimbulkan masalah pencemaran/merbahaya dan toksik mengikut jenis, lokasi, dan mengikut BP. - Data pembangunan industri komited dan mengikut BP: - Garis panduan/piawaian semasa.	- Tren, taburan, jenis dan arah perkembangan pembangunan perindustrian semasa. - Penilaian terhadap sistem pembuangan sisa industri - Kesediaan tanah yang berpotensi untuk pembangunan perindustrian. - Isu, masalah, potensi dan halangan perkembangan industri semasa. - Lokasi, luas tapak dan jenis industri yang dicadangkan. - Kesesuaian piawaian perancangan bagi pembangunan perindustrian seperti nisbah <i>plinth</i>, tempat letak kereta, anjakan bangunan dll. - Kesesuaian terhadap dasar kawalan pembangunan semasa.	- Pelan taburan kawasan perindustrian semasa, komited dan telah diluluskan mengikut jenis dan BP. Ini termasuk industri tanpa lesen/haram. - Pelan taburan aktiviti perindustrian. - Bilangan tenaga kerja dan mengikut BP : - Jenis industri - Kawasan industri - Kumpulan etnik - Kategori pekerjaan. - Pelan tekanan arah pembangunan perindustrian. - Cadangan kawasan perindustrian baru, jika perlu termasuk industri yang memerlukan tindakan pembaikan semula, penempatan semula, pemeliharaan atau penyediaan kemudahan asas. - Garis panduan pembangunan perindustrian yang terperinci.

PERTANIAN DAN PERHUTANAN

Data	Analisis	Hasil
Pertanian - Kawasan pertanian sedia ada/cadangan mengikut jenis tanaman, keluasan, lokasi dan pemilikan. - Projek-projek pertanian sedia ada. - Tanah-tanah terbiar. - Projek-projek dalam perancangan yang berkaitan dengan pertanian dalam peringkat pertimbangan, diluluskan dan sedang dilaksanakan. - Senarai kemudahan sokongan termasuklah tali air dan kemudahsampaian.	- Analisis keberkesanan projek-projek berkaitan. - Kesesuaian tanaman dengan jenis tanah. - Isu, masalah, potensi dan halangan pembangunan pertanian. - Sumbangan dan potensi pertanian terhadap ekonomi kawasan RT.	- Pelan kawasan pertanian sedia ada. - Pelan kesesuaian tanaman mengikut jenis tanah. - Cadangan mempertingkatkan usaha-usaha pertanian.

Samb.

Data	Analisis	Hasil
▪ Penternakan ➢ Aktiviti ternakan mengikut bilangan, jenis dan taburan. ➢ Taburan projek-projek ternakan sedia ada. ➢ Kemudahan sokongan. ➢ Projek-projek dalam perancangan, komited atau diluluskan.	▪ Analisis keberkesanan projek-projek berkaitan penternakan. ▪ Isu dan masalah, potensi dan halangan penternakan. ▪ Sumbangan dan potensi aktiviti penternakan terhadap ekonomi kawasan RT.	▪ Pelan kawasan penternakan sedia ada. ▪ Cadangan mempertingkatkan usaha-usaha penternakan. Cadangan projek-projek penternakan.
▪ Perikanan ➢ Aktiviti perikanan mengikut bilangan, jenis dan taburan. ➢ Projek-projek perikanan dan keberkesanan. ➢ Tahap kemudahan sokongan. ➢ Projek-projek dalam perancangan, komited dan diluluskan.	▪ Analisis keberkesanan projek-projek berkaitan perikanan. ▪ Isu dan masalah, potensi dan halangan perikanan. ▪ Sumbangan dan potensi aktiviti perikanan terhadap ekonomi kawasan RT.	▪ Pelan kawasan perikanan sedia ada. ▪ Cadangan mempertingkatkan usaha-usaha perikanan.
